

Wilayah Ku

MEDIA WARGA KOTA

● BIL 114 ● 7 - 13 MEI 2021 ● PP19441/12/2018 (035014) ● PERCUMA

www.wilayahku.com.my

@ wilayahku.com.my f Wilayahku @akhbarwilayahku Wilayahku WK TV

Kerjasama Bersama



TAWARAN BAZAR RAMADAN

DAPATKAN PULANGAN TUNAI RM4 DENGAN BAUCAR SHOPEEPAY



BAZAR RAMADAN
@ PRECINT 3 PUTRAJAYA



BAZAR AIDILFITRI
@ LORONG TAR



BAZAR RAMADAN @ TLK
TAMAN TASIK PERMAISURI

CARA UNTUK MEMBELI DAN MENEBUS BAUCAR



1. Pergi ke 'Deals Near Me' di Aplikasi Shopee



2. Beli "Baucar ShopeePay"



3. Kunjungi kedai,
gunakan baucar dan bayar
menggunakan ShopeePay



4. Nikmati pulangan
tunai sehingga 50%

BAGAIMANA UNTUK MENGUNAKAN BAUCAR SHOPEEPAY



Langkah 1
Buka aplikasi Shopee >
Klik di ikon ShopeePay >
Klik imbas



Langkah 2
Imbas kod QR penilaian



Langkah 3
Masukkan jumlah



Klik baucar



Pilih baucar
berkenaan



Langkah 6
Baucar dipilih >
Klik "Bayar Sekarang"

IMBAS KOD QR UNTUK
BELI BAUCAR SEKARANG!



MUAT TURUN
SHOPEE SEKARANG





RM300,000 untuk warga KL, Putrajaya dan Labuan

2,000 asnaf dibantu

MENYEDARI hakikat bahawa negara masih berperang dengan wabak COVID-19, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) Media Prima Berhad melalui Tabung Kemanusiaan Media Prima NSTP dan Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) menyantuni 1,100 golongan asnaf Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dalam Program Prihatin Ramadan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Santuni rakyat di bulan mulia - ms 9, 10

Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa berkata, pihaknya memperuntukkan sebanyak RM300,000 untuk disalurkan kepada 2,000

asnaf di sekitar Wilayah Persekutuan

“Peruntukan tersebut adalah melibatkan seramai 1,100 penerima di Kuala Lumpur, 500 penerima di Labuan dan 400 penerima di Putrajaya.

“Kumpulan Media Prima turut memberikan sumbangan kepada para asnaf melalui sumbangan orang ramai kepada Tabung Kemanusiaan Media Prima-NSTP sebagai tambahan wang tunai dalam Program Prihatin Ramadan tahun ini,” katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Program yang diadakan di Institut Latihan DBKL (IDB) Bandar Tun Razak itu turut disertai Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Santhara, Ketua Setiausaha KWP, Datuk Seri Rosida Jaafar, Datuk Bandar

Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah dan Ketua Pegawai Eksekutif YWP, Datuk Zaizalnizam Zainun.

Menurut Annuar, Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) pula menyediakan sumbangan berupa bakul makanan bernilai RM50 seunit.

“KWP dan agensi, YWP, Media Prima Berhad merupakan rakan strategik Program Prihatin Ramadan pada tahun ini,” katanya.

Annuar memberitahu, Program Prihatin Ramadan Wilayah Persekutuan merupakan program tahunan KWP dan ia adalah kesinambungan dari program Nur Ramadan yang telah dilaksanakan sejak tahun 2010.

“Objektif utama pengajuran program ini adalah untuk meringankan

beban perbelanjaan golongan asnaf melalui pemberian sumbangan kepada golongan yang memerlukan dalam mengimarahkan amalan bersedekah di bulan Ramadan.

“Keprihatinan kerajaan untuk membantu golongan kurang berkemampuan yang terkesan akibat pandemik COVID-19 terus menjadi keutamaan KWP menerusi pelbagai kemudahan dan insentif.

Ujarnya, dengan mengangkat tema ‘Wilayah Persekutuan Wilayah Prihatin’ ia jelas melambangkan keprihatinan dan kecaknaan Kerajaan khususnya KWP yang terus komited dalam menjaga kebijakan dan kesejahteraan rakyat secara menyeluruh, baik dari aspek ekonomi, sosial dan kerohanian,” katanya. **WK**

SIDANG REDAKSI

PENGURUS BESAR

Azlan Abdul Aziz
azlanaziz@yayasanwp.org.my

PENGARANG KANAN

Helme Hanafi
helme.hanafi@gmail.com

PENOLONG PENGARANG

Nazwin Izan Ahmad Nazri
nazwinizan@yayasanwp.org.my

WARTAWAN KANAN

Azlan Zamby
azlanwilayahku@gmail.com
Aini Roshidah Ahmad Mawawi
ainiwilayahku@gmail.com

WARTAWAN

Khairul Idin
khairulwilayahku@gmail.com
Wong Siew Mun
wongsiew.mun@gmail.com
Deel Anjer
deelanjer6@gmail.com

Syahidi Bakar

diwilayahku@gmail.com

GRAFIK & MULTIMEDIA

Rostam Afendi Ab Rashid
lemandecaprio@gmail.com
Mohd Affandy Annuar
affandywilayahku@gmail.com
Mohd Fadly Bharudin
fadlybharudin@gmail.com
Taufik Mohd Pauze
kikkywilayahku7@gmail.com

JURUFOTO & VIDEO

Mohd Nazirul Mohd Roselan
nazirulwilayahku@gmail.com
Mohd Aminullah Farij Hasan
aminwktv@gmail.com
Azly Fariq Ramly
azlyfariq@yayasanwp.org.my

PEMASARAN

Mohd Zuhairi Mazlan
zuhairi@yayasanwp.org.my
V Kumar Veeran
veerani010@gmail.com

KEWANGAN, SUMBER MANUSIA & PENTADBIRAN

Nur Fatihah Mohd Amir
fatihah@yayasanwp.org.my
Jumaitul Laily Zakiah Ismail
jumaitul@yayasanwp.org.my
Nurul Hazwani Haslan
nhmm8686@gmail.com

PELATIH INDUSTRI

Nur Sabrina Akmal Mohammad Sabre
Nur Hazirah Mohamed Halim
Diana Syuhada Mohd Amir
Muhammad Adib Zailani

Penggantian lif baru dilakukan demi keselesaan penduduk

Harap masalah lif tidak berulang

NAZWIN NAZRI

MASALAH lif rosak di kawasan perumahan strata terus membenggu penghuninya terutama di bangunan yang berusia lebih 30 tahun, selagi pembangunan semula tidak dilakukan.

Keadaan lebih memburuk apabila pihak kontraktor yang diamanahkan, seolah-olah melepaskan tangan dalam isu penyelenggaraan selepas mereka dihubungi untuk membaiki lif yang rosak.

Tidak kurang juga sikap badan pengurusan bersama (JMB)

yang sering mengabaikan tahap keselamatan penduduk setempat sehingga acap kali dilaporkan insiden kematian akibat kerosakan lif.

Selain itu, mereka juga sering memberi alasan bayaran penyelenggaraan tidak diterima sepenuhnya daripada pemilik strata sehingga menyukarkan tindakan diambil apabila berlaku sebarang kerosakan.


Sikap sebilangan penghuni perumahan strata yang tidak cekap dan sering membuat vandalisme juga menyebabkan 'aset berharga' itu sering rosak walaupun selepas dua jam dibaiki.

ing tinggi.

Ujarnya, keadaan lif sangat membahayakan nyawa pengguna kerana berada dalam keadaan uzur selain sering mengalami kerosakan seperti tiba-tiba berhenti.

Malah dia memberitahu, tahun lalu berlaku satu kemalangan maut di flat perumahannya yang memabitkan seorang penghuni berusia 50 tahun.

"Dia terjatuh ke atas bumbung lif selepas memasukinya. Pintu terbuka, tetapi lif berada di bawah dan kemungkinan dia tidak perasan kerana sudah kebiasaan, apabila pintu terbuka, kita akan terus melangkah masuk tanpa mengamati keadaan persekitaran," katanya ke-



GAMBAR atas keratan aduan penduduk PPR Desa Rejang di Facebook Wilayahku. Gambar besar, keadaan pelitup bumbung lif yang rosak dan jatuh di Perumahan Awam Sri Labuan membahayakan penggunanya.

pada Wilayahku pada Rabu.

Malaruvanan yang tinggal di flat berkenaan sejak 34 tahun lalu turut memaklumkan, masa-

lah lif sering berlaku walaupun penyelenggaraan dilakukan dan kadang kala kontraktor hanya menukar kerosakan yang dihadapi penduduk

Kaji keperluan wujudkan undang-undang penyelenggaraan lif - Lee Lam Thye

TAN Sri Lee Lam Thye berharap Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH) dapat mengkaji keperluan mewujudkan satu undang-undang khas yang boleh dikenakan terhadap syarikat pembekal mahupun kontraktor penyelenggaraan lif di masa hadapan.



LAM THYE

raan oleh pihak berwajib.

"Mereka (kontraktor) perlu menyelenggara lif dengan baik sepertimana yang diperuntukan dalam perjanjian bersama pemilik bangunan.

"Ia adalah satu tugas wajib dan jika ada masalah, mereka perlu bertanggungjawab," katanya ketika dihubungi Wilayahku.

Lam Thye berkata, penyelenggaraan penting kerana



LIF rosak terus membenggu penghuni strata jika ia tidak diselenggara dengan baik.

dapat diatasi dalam tempoh singkat.

Katanya, masalah kerosakan lif adalah satu perkara yang perlu dipandang serius kerana ia membabitkan keselamatan orang ramai.

"Syarikat yang dilantik menguruskan operasi lif sepatutnya melaksanakan tugas penyelenggaraan," katanya.

dengan lebih kerap dan mengikut tempoh masa yang ditetapkan.

"Tindakan juga boleh dikenakan kepada syarikat pengurusan mengikut perjanjiannya dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) sekiranya gagal melaksanakan tugas penyelenggaraan," katanya.

INFO Maut akibat lif

27 Januari 2021 - Seorang pekerja penyelenggaraan maut selepas tersepit pada lif di pangaspuri bangunan Summer Mall, Kota Samarahan, Sarawak.

16 November 2020 - Seorang penghantar air batu berdepan detik cemas apabila terperangkap selama 15 minit di dalam sebuah lif Flat Taman Skudai Baru, Johor.

2 Oktober 2020 - Seorang lelaki maut akibat tersepit ketika sedang menyelenggara lif di Pangaspuri Putra Harmoni, Presint 9, Putrajaya.

2 September 2020 - Seorang lelaki berusia 50 tahun maut akibat terjatuh di atas bumbung lif di Flat Seri Sabah, Kuala Lumpur.

22 Ogos 2020 - Seorang lelaki maut selepas terjatuh ke dalam lubang lif dari tingkat lima sebuah tapak pembinaan, di Lintang Kampung Melayu, Air Itam, Pulau Pinang.

21 Ogos 2020 - Dua lelaki berusia 20-an cemas apabila terperangkap kira-kira 20 minit di dalam lif Pejabat Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Kuala Selangor, Selangor.

9 Ogos 2020 - Dua remaja lelaki berdepan detik cemas apabila terperangkap hampir sejam dalam lif di tingkat 18 di bangunan Program Perumahan Rakyat (PPR) Gayang Ria I, Tuaran Sabah.

31 Mei 2020 - Seorang pekerja penyelenggaraan lif warga Indonesia maut selepas tersepit ketika melakukan kerja-kerja membaik pulih lif di sebuah hospital swasta di Larkin, Johor.

23 April 2020 - Seorang pekerja syarikat penghantaran barang maut selepas tersepit di lif ketika sedang memungah barang di stor sebuah pasaraya, di Kingfisher, Kota Kinabalu, Sabah.

28 Februari 2020 - Lelaki Myanmar meninggal dunia selepas kepalanya tersepit di lif pengangkut barang ketika sedang bekerja di sebuah kilang di Bukit Mertajam, Pulau Pinang.

28 Ogos 2019 - 15 pengunjung sebuah pusat beli-belah di Alor Setar, Kedah panik apabila terperangkap hampir 15 minit selepas lif berkenaan rosak.

2 Ogos 2019 - Empat pengunjung Kompleks Agama Bandar Baru Kuala Selangor, berdepan detik cemas apabila terperangkap hampir 30 minit di dalam lif bangunan itu.

Bantu percepat pembinaan fasa kedua Maahad Tahfiz Integrasi Madinatul Huffaz

KWP beri sumbangan RM500,000

AZLAN ZAMBRY

KEMENTERIAN Wilayah Persekutuan (KWP) menyumbangkan kira-kira RM500 ribu kepada Maahad Tahfiz Integrasi Madinatul Huffaz bagi mempercepatkan pembinaan bangunan maahad dalam projek pembangunan fasa kedua maahad tahfiz tersebut.

Menteri Wilayah Persekutuan, **Tan Sri TPr Annuar Musa** berkata, sumbangan tersebut diumumkan untuk membantu mempercepatkan pembangunan bagi menampung keperluan pihak pentadbiran maahad tersebut.

"Insya-Allah saya bersetuju untuk memberikan sumbangan dalam dua peringkat iaitu pada tahun ini dan awal tahun hadapan sebanyak RM500 ribu menyiapkan fasa kedua projek pembinaan Madrasah Madinatul Huffaz.

"Ia mungkin dapat dimanfaatkan untuk kerja-kerja pembinaan untuk mengelakkan kerja-kerja pembinaan tidak tergendala dan sekiranya ada sumber yang lain

dan kita akan cuba usahakan," katanya ketika berucap dalam program Majlis Silaturahim dan Berbuka Puasa anjuran Maahad Tahfiz Integrasi Madinatul Huffaz baru-baru ini.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP), Datuk Zaizalnizam Zainun, Pengasas Maahad Tahfiz Integrasi Madinatul Huffaz, Dr Azahar Yaakub dan Pengerusi Maahad Tahfiz, Datuk Dr Nor Hafizah Musa.

Annur turut melahirkan harapan agar usaha pembangunan dan pembinaan maahad tahfiz tersebut dapat disiapkan dengan segera untuk menampung permintaan ibu bapa yang mahu menghantar anak mereka menuntut di maahad tersebut.

"Saya difahamkan, ramai lagi ibu bapa dari seluruh negara yang ternanti-nanti untuk menghantar anak menuntut di sini.

"Sekiranya ia dapat disiapkan dengan segera, maka lebih ramai yang berpeluang untuk menuntut di sini dengan lebih cepat,"



ANNUAR (dua dari kanan) bersama Azahar (kanan) meninjau tapak binaan fasa kedua Kompleks Maahad Tahfiz Integrasi Madinatul Huffaz di Lembah Melewa baru-baru ini.

katanya.

Ujarnya, kesedaran dalam kalangan ummah sangat besar untuk mengikuti pembelajaran al-Quran yang bersifat integrasi seperti yang ditawarkan di maahad

ini.

Sementara itu, Azahar menzahirkan kesyukuran kerana lawatan Annur ke kompleks maahad tahfiznya telah memberikan rezeki yang tidak

disangka-sangka.

Katanya, beliau dan isterinya yang juga penasihat maahad tahfiz diundang untuk bertemu dengan Annur beberapa hari lalu hanya untuk memperkenalkan diri di samping menjemput beliau ke maahad tahfiznya.

"Kami sangat terharu apabila Tan Sri Annur membuat perisytiharan untuk memberikan sumbangan kepada tahfiz untuk pembangunan fasa kedua ini sebanyak RM500,000.

"Pada anggapan, kami ketika pertemuan di pejabatnya beberapa hari lalu, hanya untuk menjemput beliau berbuka puasa dengan warga maahad tahfiz atas kapasitinya sebagai menteri Wilayah Persekutuan yang menjadi payung di Wilayah Persekutuan.

"Annur telah pergi lebih jauh dan dengan perasaan simpati dan empati yang terbit dalam dirinya, beliau telah memberikan sumbangan tersebut untuk pembangunan Maahad Tahfiz Integrasi Madinatul Huffaz," katanya. **WK**

DBKL lapor polis provokasi penjaja di Jalan TAR

DEWAH Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) membuat laporan polis terhadap kejadian provokasi sekumpulan penjaja tanpa kebenaran terhadap penguatkuasanya dalam satu kejadian pada pukul 12.15 malam di Jalan Tuanku Abdul Rahman (TAR), Isnin lalu.

Menerusi satu kenyataan, ketika kejadian berlaku, anggota penguatkuasaan DBKL sedang membuat rondaan di sekitar Jalan TAR selepas mendapat aduan awam terdapat ramai peniaga tanpa kebenaran beroperasi di lokasi itu.

"Ketika tiba di lokasi, anggota bertugas mendapati beberapa peniaga tanpa kebenaran beroperasi dan sudah menasihat serta meminta mereka untuk beredar.

"Tindakan mereka berniaga di luar waktu yang dibenarkan iaitu melebihi jam 12 tengah malam dan sudah melanggar prosedur operasi standard (SOP) yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).

"Bagaimanapun, peniaga berkenaan enggan beredar malah mula membuat tindakan provokasi terhadap anggota bertugas termasuk memukul 'roller shutter' premis perniagaan berhampiran selain menghambur kata-kata kesat," katanya hari ini.

Menurutnya, peniaga tanpa kebenaran



INSIDEN provokasi yang berlaku diantara penjaja tanpa permit dan penguatkuasa di Jalan Tuanku Abdul Rahman pada Isnin.

itu turut menjelaskan peniaga yang telah mempunyai lesen yang berniaga di lokasi yang sama.

"Tindakan mereka berniaga di luar waktu yang dibenarkan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) juga mengundang pelbagai masalah," katanya.

Walau bagaimanapun, tiada tindakan sitaan dilaksanakan oleh DBKL dalam kejadian itu dan satu laporan polis sudah dibuat mengenainya. **WK**



SERAMAI 58 gelandangan diselamatkan oleh DBKL di sekitar ibu kota pada Ahad lalu.

DBKL selamatkan 58 gelandangan di empat 'port' popular

SATU operasi bersepadu untuk menyelamatkan gelandangan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dilaksanakan tengah malam Ahad sehingga awal pagi Isnin lalu.

DBKL dalam satu kenyataan memaklumkan, operasi tersebut digerakkan di empat kawa-

san popular gelandangan di ibu kota iaitu Bangkok Bank, Cahaya Suria, Lebuh Ampang dan Masjid Negara bermula dari pukul 11 malam melibatkan 20 anggota penguatkuasanya.

"Pecahan jumlah gelandangan yang diselamatkan ini meliputi

seramai 51 orang lelaki dan tujuh orang wanita," katanya pada Isnin.

DBKL berkata, semua gelandangan itu dibawa ke Pusat Khidmat Gelandangan Medan Tuanku untuk menjalani proses dokumentasi, pemberian makanan dan tempat tidur. **WK**

KEMENTERIAN PELANCONGAN,
SENI & BUDAYA MALAYSIATOURISM
MALAYSIA®cuti-cuti
MALAYSIA®

mybha★

PERSATUAN HOTEL BAJET & BISNES MALAYSIA
Malaysia Budget & Business Hotel Association

TAWARAN ISTIMEWA!

Sila layari www.jomnginap.com
untuk tempahan penginapan hotel.



Jom Nginap
Let's cuti-cutii
Malaysia!

31 Disember 2020 – 30 Jun 2021

Terima
RM20
Pulangan Tunai

apabila berbelanja RM50 dan ke atas

Tertakluk kepada Terma dan Syarat

Anak miskin di bangku sekolah



DATUK BUDIMAN
MOHD ZOHDI

SEHINGGA Februari tahun ini dianggarkan lebih 30,000 keluarga daripada 1.8 juta penduduk Kuala Lumpur berada di bawah paras kemiskinan.

Jumlah itu dikenal pasti di 178 lokalki di sekitar Kuala Lumpur terutama membabitkan penghuni Projek Perumahan Rakyat (PPR). (*Sinar Harian*, 1 Februari 2021)

Berapa ramaikah jumlah kanak-kanak yang masih di bangku sekolah datangnya daripada keluarga miskin itu? Tentulah jumlahnya puluhan ribu juga, atau mungkin melebihi seratus ribu. Persoalannya, bagaimanakah dengan persekolahan mereka?

Apakah mereka mendapat apa yang mereka perlukan atau sebaliknya mereka sekadar berada dalam sistem itu bagi memenuhi keperluan bukannya untuk mencapai apa-apa tujuan?

Di mana-mana tempat di dunia ini, apabila kemiskinan menjadi topik perbincangan, tumpuan tidak terlepas daripada golongan kanak-kanak.

Ini kerana mereka alah mangsa sebenar daripada penyakit yang satu ini. Kemiskinan keluarga, jika tidak dirawat bukan sahaja merosakkan kehidupan anak-anak itu sekarang, tetapi juga masa depan mereka.

Pendidikan penting untuk semua insan dan ia seharusnya bermula sejak zaman kanak-kanak.

Malah terbukti sejak lama bahawa pendidikan merupakan medium terbaik, dan tidak keterlaluan jika dikatakan terpantas, yang berupaya membawa seseorang itu keluar dari kancang kemiskinan.

Buktinya telah terlalu banyak dan ia terus memberikan bukti-buktinya baharu sepanjang masa.

Tetapi turut terbukti bahawa kemiskinan dan pendidikan jarang bergerak seiring. Secara relatifnya kemiskinan sentiasa menjadi faktor penolak dalam usaha-usaha mendapat pendidikan yang baik.

Pihak berwajib boleh menyediakan apa sahaja kemudahan pendidikan, tetapi kemiskinan sering menghalang golongan tertentu menikmati dan memanfaatkan kemudahan tersebut.

Pada masa dahulu, di Malaysia, hubung kait kemiskinan dan pendidikan lebih banyak melibatkan kawasan luar bandar.

Kisah anak-anak miskin tercicir dalam pelajaran, atau tidak berpeluang mendapat pelajaran langsung, menjadi sebahagian daripada pembentuk landskap sosioekonomi negara.

Tetapi kesungguhan



PENDIDIKAN merupakan medium terbaik dan terpantas yang berupaya membawa seseorang itu keluar dari kancang kemiskinan.

kerajaan menangani masalah ini menyebabkan ia kian berkurangan dalam dekad kebelakangan ini.

Kecuali di Sabah, Sarawak dan beberapa bahagian terpencil di Semenanjung, masalah gangguan kemiskinan terhadap pendidikan di kawasan luar bandar tidak lagi ketara.

Taraf hidup yang lebih baik, tahap kesedaran yang semakin tinggi, ditambah dengan kemudahan, bantuan dan sokongan oleh kerajaan menyebabkan anak-anak miskin – walaupun dengan upaya yang terbatas – mempunyai peluang untuk berjaya sama seperti rakan-rakan mereka yang datang daripada keluarga yang berada di atas garis kemiskinan.

Tetapi sebenarnya masalah itu belum selesai. Ia sekadar berpindah tempat.

Pertumbuhan pesat kawasan perbandaran, dengan perluasan kawasan bandar sedia ada dan kemunculan bandar-bandar baharu menyebabkan masalah yang suatu masa melingkari masyarakat luar bandar itu sekarang ini bertukar menjadi beban kepada warga kota. Dan dalam konteks ini Kuala Lumpur lah yang menduduki tempat teratas carta.

Statistik dari data.gov.my menunjukkan bahawa sehingga 30 Jun 2018 terdapat 134 sekolah kebangsaan, 42 sekolah rendah jenis kebangsaan Cina, 15 sekolah rendah jenis kebangsaan Tamil dan tiga sekolah rendah pendidikan khas di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Untuk peringkat menengah pula terdapat 104 buah sekolah dan angka ini meliputi sekolah berasrama penuh, sekolah menengah agama, sekolah teknik, kolej vokasional, kolej tingkatan enam, pendidikan khas, sekolah sukan, sekolah seni dan sekolah bimbingan jalinan kasih.

Untuk rekod semua angka yang diberi adalah bagi sekolah-sekolah kerajaan dan sekolah

bantuan kerajaan. Jika dicampur dengan sekolah-sekolah persendirian, jumlahnya adalah lebih banyak.

Berdasarkan angka-angka itu Kuala Lumpur telah menyediakan medan pendidikan yang cukup untuk anak-anak warganya.

Sekurang-kurangnya setakat ini ia tidak seperti Selangor yang berdepan dengan masalah kekurangan sekolah berikutnya pertambahan bilangan murid yang semakin ketara.

Namun apa yang menjadi isu adalah sejauh mana anak-anak miskin di Kuala Lumpur dapat menggunakan kemudahan itu dalam erti kata sebenar.

Berikut adalah kesan-kesan kemiskinan ke atas pelajar:

- Kelapan yang mempengaruhi konsentrasi baik dalam kehidupan harian mahupun pelajaran
- Makanan tidak seimbang yang boleh mempengaruhi perkembangan jangka panjang
- Perhatian tidak mencukupi daripada ibu bapa atau penjaga yang sibuk dengan urusan mencari nafkah
- Pengalaman belajar yang terhad berikutan kesempitan hidup
- Kurang keyakinan diri disebabkan kegagalan keluarga, diskriminasi dan kekurangan-kekurangan lain
- Kesihatan yang mudah terjejas
- Kurang rangsangan yang mengakibatkan kurang motivasi dan perkembangan kognitif yang lambat
- Kurang penyertaan dalam aktiviti kokurikulum
- Kehadiran ke sekolah yang sering terganggu

Semua impak ini akan menjadi lebih berganda bebannya ke atas pelajar miskin di bandar berbanding dengan mereka yang senasib dengannya di luar bandar.

Ini kerana cabaran hidup di kota seperti Kuala Lumpur jauh berbeza dengan di kampung.

Tekanan yang dialami daripada

“Kisah anak-anak miskin tercicir dalam pelajaran, atau tidak berpeluang mendapat pelajaran langsung, menjadi sebahagian daripada pembentuk landskap sosioekonomi negara. Tetapi kesungguhan kerajaan menangani masalah ini menyebabkan ia kian berkurangan dalam dekad kebelakangan ini.

persekitaran di bandar pada bila-bila masa pun jauh lebih menyakitkan. Dugaannya lebih banyak.

Faktor luaran yang berpotensi menarik seseorang pelajar keluar dari alam persekolahan pula ada di mana-mana.

Datang dari rumah yang sempit dengan ibu bapa yang bergelut mencari sesuap nasi, ke sekolah tanpa wang saku atau kalau membawa wang saku sekalipun hanya cukup untuk membeli segelas minuman, memasuki pagar sekolah dengan rasa rendah diri, melihat kawan-kawan dari keluarga berada turun naik kereta diantar keluarga atau pemandu peribadi, mendengar mereka bercerita tentang pengalaman yang hebat-hebat, bergantung hanya pada bahan rujukan yang didapat di perpustakaan tanpa mampu membelinya sendiri, dan pelbagai lagi cabaran terpaksa mereka lalui termasuklah masalah yuran walaupun sekali sekala, ketidakmampuan mengikuti kelas tuisyen dan sebagainya.

Hanya mereka yang kental mampu lepasi ujian getir itu. Selebihnya tercicir di tengah jalan.

Satu kajian oleh Tabung Populasi PBB (UNFPA) dan Tabung Kanak-Kanak PBB (Unicef) di kalangan penduduk pangaspuri kos rendah sekitar Lembah Klang pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) antara Mei dan September tahun lalu menunjukkan tujuh peratus daripada anak-anak dari keluarga miskin itu tidak kembali ke sekolah apabila persekolahan dibuka semula.

Sebahagian mereka hilang semangat dan hilang minat untuk belajar, namun sebab lain yang tidak kurang pentingnya adalah kekangan kewangan.

Hasil kajian itu juga mendapati masalah itu lebih ketara di kalangan keluarga yang diketuai

wanita, terutama ibu tunggal.

Satu daripada dua responden berkata mereka berdepan kesukaran membayar yuran tuisyen, sementara 50 peratus mendapat sukar menyediakan wang poket dan hampir satu daripada lima responden mengatakan sukar untuk membayar wang pengangkutan.

Jika kajian lebih mendalam dan menyeluruh dibuat, kita pastinya akan berdepan dengan angka-angka yang tidak menarik dan kesimpulan yang tidak menyenangkan.

Tetapi secara peribadi, saya berpendapat ia perlu dilakukan. Sesegera dan serapi mungkin supaya jalan penyelesaiannya boleh dirangka dari awal.

Memang benar kita mempunyai Tabung Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) yang ditubuhkan sejak tahun 2003 dan di Kuala Lumpur kita ada Yayasan Wilayah Persekutuan serta beberapa pihak lain yang sentiasa bersedia menyumbang kepada golongan pelajar yang memerlukan.

Namun bagi penyelesaian yang lebih tuntas, pertimbangan mungkin perlu dibuat bagi mewujudkan tabung khusus untuk anak-anak miskin di Kuala Lumpur yang skop peranannya berpaksikan dasar ‘untuk mereka dan kerana mereka’.

Dengan fokus yang betul diyakini ia dapat meminimalkan jumlah pelajar yang menjadi korban kemiskinan kota, dengan fokus yang betul juga ia boleh menjadikan Kuala Lumpur kota yang benar-benar sejahtera untuk warganya.

Nama kolumn 3M adalah singkatan kepada Melawan Maksud Miskin yang akan memfokuskan isu berkaitan kemiskinan



DIKEHENINGAN SYAWAL

Berlalu Ramadan bulan menguji ketabahan kekuatan, keimanan dan ketaqwaan meninggalkan seribu impian gah mencari keindahan dan kemuliaan Lailatul Qadar mengharapkan kemuliaan di sisi-NYA diterima segala amal perbuatan bekalan menuju perhitungan

Di keheningan syawal kita raikan kemenangan berjuang menentang kemungkaran mengalunkan kemuliaan takbir dan tahmit penuh sanjung dan puji

Selebihnya kita bersyukur masih mampu melihat keindahan alam ciptaan luas terbentang biarpun perjalanan semakin hampir untuk kita melunaskan janji bertemu TUHAN

Mohamed M.N
Kg Solok, Tangak
3 Mei, 2021

Kuala Lumpur bukan bandar stress!

TAHNIAH! Tidak diduga, dalam keadaan Kuala Lumpur dianggap sebagai antara bandar paling sibuk dan sesak serta memberi tekanan atau stress, kajian sebuah firma Britain, Love2Laundry, meletakkan ibu negara antara 10 bandar raya paling kurang stres di dunia.

Umum menyedari, dengan kedudukan Kuala Lumpur sebagai ibu negara yang sentiasa hidup dari pagi hingga malam, tinggal di bandar raya pastinya mencabar dan memberi tekanan. Adi percaya situasi ini juga dirasai oleh penduduk-penduduk bandar besar lain di dunia.

Maklum sahaja setiap hari penduduk Kuala Lumpur menghadapi bermacam-macam karenah ketika menjalankan urusan sehari-hari, baik untuk pergi bekerja, berurus dengan pejabat kerajaan, atau menjalankan pelbagai rutin harian lain.

Sabtu hari mereka akan berdepan kesesakan lalu lintas, dengan kenderaan yang banyak dan berhimpit-himpit, masing-masing berlumba-lumba untuk segera sampai ke destinasi. Ditambah pula keadaan jalan yang kurang lancar dengan pelbagai pembinaan, pasti akan menyebabkan keluhan pengguna sepanjang hari.

Ini bukan sahaja dialami pada waktu pagi ketika orang ramai berduyun-duyun menuju ke tempat kerja. Waktu petang balik pun akan menghadapi masalah sama. Tiada waktu yang benar-benar sunyi di Kuala Lumpur. Sebab itu ramai penduduk lebih suka tinggal di rumah menenangkan minda pada waktu cuti atau hujung minggu.

Namun dalam keadaan sesak dan sendat yang banyak menguji kesabaran ini, Adi bangga kerana Kuala Lumpur tidaklah terlalu 'menyeksa' seperti yang mungkin ramai andaikan atau gambarkan.

Kajian oleh Love2Laundry membuktikan hakikat ini. Kuala Lumpur menduduki tempat ke-10 bandar raya paling kurang stress. Bandar raya lain menurut susunan ialah Adelaide, Vancouver, Honolulu, Chiang Mai, Tokyo, Taipei, Madrid, Singapura dan Sydney.

Yang menarik, salah satu ciri kenapa Kuala Lumpur dianggap paling kurang stress ialah aspek keramahan penduduk. Entnya secara umum, warga ibu kota adalah peramah. Keramahan mereka menduduki tempat kedua di belakang Vancouver.

Bagi Adi, ini membuktikan walaupun ramai warga Kuala Lumpur sendiri sering kali menghadapi stres, kajian itu menunjukkan sifat ramah di kalangan mereka, khususnya dengan pelancong, tidak pudar. Pastinya pelancong sangat menghargai.

“ Yang menarik, salah satu ciri kenapa Kuala Lumpur dianggap paling kurang stress ialah aspek keramahan penduduk. Entnya secara umum, warga ibu kota adalah peramah. Keramahan mereka menduduki tempat kedua di belakang Vancouver. ”

Selain sifat peramah, ciri lain yang meletakkan Kuala Lumpur sebagai antara bandar raya paling kurang stress ialah kos makanan berpatutan, pengangkutan, kualiti spa, alam dan taman, indeks pencemaran udara dan kepadatan penduduk.

Kesemua ciri yang disebutkan di atas sememangnya menjadi perkiraan utama pelancong apabila berhasrat mengunjungi sebuah negara atau bandar tertentu. Kemampuan Kuala Lumpur menawarkan segala kemudahan tersebut dalam skala baik sudah pasti menjadi tarikan penting pelancong datang ke ibu negara!

Cuma dalam keadaan sempadan negara yang ditutup sekarang dalam usaha mengekang penularan pandemik COVID-19, kedatangan pelancong menurun. Namun sekurang-kurangnya kajian ini akan menjadi rujukan berguna pelancong untuk memilih Kuala Lumpur sebagai destinasi pelancongan pada masa hadapan.

Warga Kuala Lumpur khususnya wajar bangga dengan kajian yang memartabatkan ibu negara sebagai salah sebuah bandar raya paling kurang stres di dunia. Adi berharap berusaha bersama-sama membantu kerajaan agar ciri-ciri ini terus dapat dipertahankan.

Mungkin aspek-aspek ini sendiri dipandang ringan oleh warga Kuala Lumpur selama



KUALA LUMPUR muncul sebagai salah satu bandar paling kurang stress di dunia untuk dikunjungi pelancong.

ini sehingga pelancong asing yang lebih menyedarinya. Barangkali jika warga ibu kota sendiri menyedari dan menghayati ciri-ciri ini, mereka tidak akan menjadi terlalu stres hidup di ibu negara!

TUNAIKAN ZAKAT, BANTU GOLONGAN MEMERLUKAN

SUDAHKAH anda menunaikan kewajipan zakat, baik zakat fitrah atau zakat harta, sepanjang bulan Ramadhan ini? Jangan bertangguh-tangguh dan lakukan segera kerana bukan Ramadhan juga sudah menghampiri penghujung.

Pusat Pungutan Zakat, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP) mensasarkan peningkatan jumlah zakat tahun ini. Difahamkan sasaran kutipan ialah RM120 juta, tambahan sebanyak tiga peratus berbanding tempoh yang sama tahun lalu sebanyak RM117 juta.

Selain kesedaran yang semakin meningkat di kalangan orang ramai untuk membayar zakat, pelbagai kempen yang dijalankan serta penambahan yang

diterima kepada golongan asnaf yang berhak mendapat agihan. Semakin banyak kutipan dipungut, semakin banyak boleh diagihkan kepada asnaf di samping menggunakan untuk memenuhi keperluan masyarakat Islam yang memerlukan bantuan zakat.

Adi menyedari ada juga di kalangan orang ramai yang suka mengagihkan terus zakat secara sendiri terus kepada asnaf tanpa melalui pusat pungutan zakat. Namun pada pandangan Adi seelok-eloknya mereka menunaikan zakat ini melalui PPZ-MAIWP sebagai pusat pengumpulan sehenti.

Ini kerana pusat pungutan zakat mempunyai senarai rujukan lengkap asnaf. Pusat tersebut juga mempunyai kaedah lebih baik dan sistematik mengagih atau membelanjakan zakat menurut keperluan. Dengan cara ini, kaedah pengagihan lebih terkawal dan berkesan.

Pada masa sama, Adi berharap PPZ-MAIWP akan membelanjakan wang kutipan zakat dengan sebaik-baiknya dan memudahkan proses memberi bantuan jika ada permintaan. Kerap kita mendengar masalah dan karenah birokrasi jika ingin memohon bantuan zakat. Adi harap perkara seperti ini hendaklah diatasi segera.

Institusi zakat memainkan peranan penting untuk kelangsungan asnaf dan golongan yang memerlukan. Oleh itu, PPZ-MAIWP hendaklah dilihat sentiasa proaktif dalam membantu golongan yang memerlukan bantuan, selagi mereka memenuhi kriteria ditetapkan.

- Adi Tuah

Adi Tuah

SAJAK

IMUNISASI

Teman, usah kau khuatir akan berita implikasi suntikan yang belum pasti kesahihannya sebaiknya rebutlah peluang yang ada kerana sekurang-kurangnya kita berusaha untuk mengelakkan diri daripada diseksa dan dibunuh dengan kejam oleh virus yang psiko itu.

Namun ingatlah, vaksin itu bukanlah ubat kebal tetapi adalah salah satu ikhtiar yang boleh dijadikan sebagai perlindungan diri dan selebihnya kita serahkan segalanya pada Ilahi.

Khadijah Hamdi
Kulim, Kedah

SKETSA



Mereka yang mungkin masih mencari-cari kaedah bayaran secara online ini boleh merujuk kepada zakat.com.my untuk zakat fitrah. Untuk zakat harta pula ialah zakat.com.my.

Adi percaya ramai di kalangan mereka yang bermastautin di Wilayah Persekutuan atau mencari rezeki di ibu kota, tergolong dalam kalangan mereka yang wajib membayar zakat.

Ramai pula pemilik perniagaan beragama Islam yang mempunyai perniagaan besar dan beroleh untung banyak. Maka sewajarnya golongan ini menunaikan tanggungjawab membayar zakat demi mensucikan harta di samping membantu golongan yang lebih memerlukan.

PPZ-MAIWP akan menyalurkan zakat yang

Retiza syukur sertai Program Pembangunan Usahawan Anak Muda Kota

Dodol turun temurun Kedah di ibu kota

AINI MAWAWI

DODOL merupakan antara makanan tradisi masyarakat Melayu yang tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas. Malah setiap kali menjelangnya Syawal, ia pasti menjadi pilihan ramai.

Menyedari keistimewaan juadah yang satu ini, **Retiza Abd Rashid**, tidak melepaskan peluang untuk memasarkan dodol istimewa resipi turun temurun keluarganya di Kedah.

Dikenali dengan nama, House of Dodol, menariknya dodol yang dihasilkan olehnya ini disejakan secara tradisional bermula daripada bahan-bahan sehingga kepada sesi mengacau.

"Zaman sekarang, kalau nak mudah, orang akan buat dodol menggunakan periuk tekanan tinggi ataupun ketuhar namun saya tetap memilih untuk menyediakannya secara tradisional.



RETIZA



YAYASAN
WILAYAH PERSEKUTUAN

"House of Dodol dikacau di dalam kawah besar dengan nyalaan api menggunakan kayu hampir enam jam. Setelah itu, barulah dodol masak dengan sempurnanya. Jika tidak dimasak dengan betul, ia mudah berkulat dan berbau hapak," ujar Retiza.

Menariknya, dodol yang dihasilkan setiap dua minggu sekali bagi memastikannya sentiasa segar ini boleh didapat setiap masa tanpa mengira hari perayaan semata-mata.

"Jika hari-hari biasa, kami berjaya menjual sekurang-kurangnya 100 bungkus dodol sementara Aidilfitri tahun lalu pula, House of Dodol menerima tempahan lebih 1,000 bungkus," ujarnya kepada *Wilayahku*.

Dengan harga RM20 sebungkus,



RETIZA di hadapan ruang niaga di Berjaya Times Square, Kuala Lumpur. Gambar Kecil Dodol yang menjadi pilihan ramai.

juadah tradisional ini boleh didapat di ruang niaga A Tea Shop, Lekat di Hati yang terletak di Tingkat 4, Berjaya Times Square, Kuala

Lumpur.

Merupakan salah seorang peniaga di bawah Program Pembangunan Usahawan Anak

Muda Kota yang dirangka bersama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Perbadanan Putrajaya (PPj), Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) dan Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) serta agensi kerajaan lain yang berkaitan dengan pembangunan usahawan, Retiza bersyukur diberi peluang berniaga.

"Alhamdulillah, kesempatan yang diberi akan digunakan sebaiknya untuk saya menjana pendapatan. Bukan mudah untuk mendapat peluang berniaga di tengah ibu kota kerana kos sewaan yang tinggi," ujarnya.

Selain dodol, Retiza turut menjual kuih semperit, tat nanas, satay serai, minyak wangi dan banyak lagi.

"Jemputlah singgah untuk menikmati harga istimewa. Bagi yang tidak berkesempatan untuk datang, boleh juga mendapatkan di laman Instagram; ariantea_official, Facebook; Ong Carolina Mya atau WhatsApp ke 011-1885 2064," ujar Retiza. **WK**

Majlis Alumni Rakan Muda Malaysia sumbang kerusi mengaji

NAZWIN NAZRI

MAJLIS Alumni Rakan Muda Malaysia baru-baru ini menyumbangkan 20 unit kerusi mengaji bagi kegunaan qariah Masjid Jamek Kampung Baru Kuala Lumpur.

Presidennya, **Falaq Faizal Lakimon** berkata, sumbangan itu diharapkan dapat kembali mengimarahkan masjid seperti sebelumnya.

"Kita masih berada dalam fasa pemulihan wabak COVID-19. Belia di Malaysia khasnya di Kuala Lumpur pasti tidak sabar untuk kembali bersama kariah masjid dalam program-program

Rakan Muda seperti yang dilakukan sebelumnya.

"Diharapkan masjid dapat kembali diimarahkan terutama pada bulan Ramadan ini," katanya selepas Program Rakan Muda Ramadan Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Terdahulu, pada program itu, Majlis Belia Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur turut menyumbangkan 40 unit Naskah al-Quran yang disampaikan Presidennya, Naseer Mohamed.

Program yang dirasmikan Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Senator Wan Ahmad

Fayhsal Wan Ahmad Kamal itu merupakan anjuran Jabatan Belia dan Sukan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan Kerjasama Masjid Jamek Kampung Baru; Majlis Belia Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur; Belia 4B dan Majlis Alumni Rakan Muda Malaysia.

Antara pengisinya adalah program khattam al-Quran Rakan Muda, gotong-royong menyediakan juadah bubur lambuk, pendaftaran Sukarelawan MYVac (sukarelawan penyelaras Vaksin dilapangan), Pendaftaran Vaksin, majlis berbuka puasa komuniti dan solat sunat Tarawih. **WK**



FALAQ (kanan) menyerahkan kerusi mengaji kepada wakil Masjid Jamek Kampung Baru sambil disaksikan Wan Ahmad Fayhsal (tengah).

300 pek Prihatin Ramadan diedar kepada asnaf BTR

BAGI membantu golongan asnaf dan individu yang kurang berkecukupan, Kelab Anak Muda Bandar Tun Razak tampil menghulurkan sumbangan di sekitar Parlimen Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur.

Pengerusinya, **Muhammad Fitri Ramli** berkata, sumbangan tersebut disalurkan bagi meringankan beban kumpulan sasar dalam menempuh Ramadan dan bakal meraikan Aidilfitri tidak lama lagi.

Katanya, sejumlah 300 pek bantuan prihatin Ramadan diserahkan kepada penerima yang layak.

"Kesemua mereka terdiri daripada golongan asnaf, orang kurang upaya (OKU) dan warga emas yang tinggal di sekitar Projek Perumahan Rakyat (PPR) Desa Tun Razak, Seri Mulia, Seri Kota, Sri Pulau Pinang, Sri Labuan dan Seri Melaka.

"Mereka akan menerima barang asas dan kuih raya. Sungguh pun ia tidak banyak, namun saya percaya sedikit sebanyak ia dapat meringankan beban mereka," katanya kepada *Wilayahku*.



MUHAMMAD Fitri (kiri) menyerahkan sumbangan pek Prihatin kepada salah seorang asnaf baru-baru ini.

Menurut Muhammad Fitri, program tahunan itu diadakan dengan kerjasama iltizam@ekuinas Nasional Berhad, Vape69 Malaysia, ECJ Cares dan I Sejahtera Malaysia.

Tambahnya, program seumpama itu akan diteruskan dari semasa ke semasa bagi memastikan golongan asnaf tidak terpinggir dan sentiasa dilindungi. **WK**

REALITI KEHIDUPAN



7 - 13 MEI 2021 . BIL 114

Wilayah Ku

Prihatin Ramadan

santuni rakyat di bulan mulia



AZLAN ZAMBRY

KEDATANGAN bulan Ramadan setiap tahun disambut penuh harapan pelbagai lapisan masyarakat lebih-lebih lagi golongan asnaf yang bermastautin dalam kawasan bandar. Gagasan Wilayah Persekutuan, Wilayah Prihatin hasil cetusan Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa bertujuan membantu semua pihak dalam Wilayah Persekutuan tanpa ada yang ketinggalan menjadi kerangka besar pengajuran program Prihatin Ramadan pada tahun ini.

Meskipun negara masih lagi 'berperang' dalam melawan wabak pandemik COVID-19, pengajuran Program Prihatin Ramadan tetap diteruskan dengan pematuhan ketat terhadap prosedur operasi standard (SOP) dan ia mendapat sentuhan langsung daripada Annuar melalui ucapan beliau di dua program, bersama golongan asnaf, jawatankuasa masjid dan surau jumaat serta Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) Putrajaya pada Isnin dan bersama pengamal media di ibu kota pada Selasa.

Menurut Annuar, konsep Prihatin Ramadan menekankan konsep keprihatinan terhadap warga Wilayah Persekutuan yang menerima kesan langsung apabila wabak berkenaan mulai melanda negara sehingga kerajaan terpaksa menguatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada Mac tahun lalu sehingga menyebabkan banyak peniaga kecil terpaksa berhadapan dengan kemerosotan perniagaan selain telah meningkatkan jurang kemiskinan bandar di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

Katanya lagi, konsep yang sama, pihaknya telah melancarkan program MYBeras@Wilayah dan ia telah mengedarkan ribuan kampit beras dan juga bantuan lain yang tidak putus-putus selagi mana terdaya dan termampu kepada semua penduduk terutama yang menduduki di Perumahan Awam (PA) dan Projek Perumahan Rakyat (PPR) serta mana-mana individu yang terjejas ekoran wabak tersebut.

Program Prihatin Ramadan dilakukan bagi meringankan beban perbelanjaan golongan yang kurang berkemampuan, mengimarahkan amalan bersedekah di bulan Ramadan dengan pemberian sumbangan golongan yang memerlukan dan membina persepsi serta kesedaran kepada masyarakat untuk lebih cakna dan prihatin dalam terus membantu golongan ini agar dapat merasai kemeriahinan dalam persiapan menyambut Aidilfitri.

Menurut Annuar, secara keseluruhan KWP memperuntukkan sebanyak RM 300,000 yang boleh dimanfaatkan oleh 2,000 penerima sumbangan di Wilayah Persekutuan.

BERSAMBUNG DI MUKA 10

**DARI MUKA 9**

“Pecahan kepada peruntukan di Kuala Lumpur adalah seramai 1,100 melibatkan RM165,000, Putrajaya 400 penerima melibatkan RM60,000 dan Labuan 500 orang penerima melibatkan RM75,000.

“Setiap penerima akan menerima RM150 serta bakul makanan bernilai RM50 yang disumbangkan oleh Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) berjumlah RM100,000,” katanya.

Menurut Annuar, Kumpulan Media Prima Berhad telah menjadi rakan strategik dalam penganjuran program Prihatin Ramadan pada tahun ini.

“Melalui sumbangan orang ramai kepada Tabung Kemanusiaan Media Prima NSTP, mereka telah memberikan sumbangan RM150.00 sebagai tambahan kepada setiap penerima yang juga akan dimanfaatkan oleh 2,000 penerima di Wilayah Persekutuan dan menjadikan setiap penerima menerima RM300 seorang,” katanya.

Sempena sambutan 25 tahun Putrajaya, Annuar turut mengedarkan Al-Quran Mushaf Putrajaya kepada wakil-wakil Masjid dan Surau Jumaat untuk dimanfaatkan di masjid dan surau masing-masing dengan kerjasama Nashrul Quran di bawah pimpinan Datuk Abdul Latif Mirasa. **WK**

Media perlu bantu kerajaan sampai berita benar

PERANAN pengamal media dalam sesebuah negara dan kerajaan sememangnya penting bagi tujuan penyaluran informasi dan hebahan mengenai dasar-dasar kerajaan dan sebagainya.

Kerjasama antara pihak KWP dengan pengamal media terus diperkuuh bagi memastikan maklumat dapat disampaikan dengan tepat dan efektif kepada kumpulan sasaran melalui program Prihatin Ramadan bersama pengamal media di Kuala Lumpur pada Selasa.

Dalam ucapannya, Annuar menekankan tentang kesepadan di antara pengamal media dengan kerajaan bagi menangkis pelbagai tohmannan terhadap kerajaan terutama dalam usaha untuk memerangi wabak pandemik COVID-19.

Katanya, wujud usaha terancang daripada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab untuk membina persepsi negatif terhadap kerajaan melalui penyebaran berita palsu yang bertujuan mengelirukan masyarakat berhubung cara kerajaan mengendalikan isu yang melibatkan pandemik tersebut.

“Melalui kerjasama erat, pihak media dapat membantu kerajaan dalam menyampaikan berita yang benar sekaligus dapat memberikan pemahaman kepada rakyat mengenai usaha yang dilakukan oleh kerajaan yang kini sedang berhadapan dengan situasi yang paling kritikal,” katanya.

Majlis itu turut disertai kira-kira 200 pengamal media cetak, elektronik dan media baharu.

Hadir sama, Ketua Setiausaha KWP, Datuk Seri Rosida Jaafar, Datuk Bandar Kuala Lumpur,

Datuk Seri Mahadi Che Ngah, Pengarah Eksekutif Berita dan Operasi Editorial Kumpulan Media Prima Berhad, Mustapha Kamil

Mohd Janor, Pengarang Eksekutif *Nanyang*, Eric Foo Tick Fat, Ketua Pengarang *Tamil Malar*, Datuk SM Periasamy, Pengarang Berita

Hal Ehwal Semasa RTM, Zuraida Mohammad Arif dan Pengurus Besar *Wilayahku*, Azlan Abdul Aziz. **WK**



ANNUAR (tengah) beramah mesra dengan pengamal media dalam satu program meraikan mereka pada Selasa.

Prihatin Ramadan kesinambungan Nur Ramadan

MESKIPUN warga Wilayah Persekutuan masih lagi bergelut dengan masalah pandemik COVID-19, namun program Prihatin Ramadan yang dianjurkan Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dapat menyemarakkan lagi semangat Ramadan di dalam warganya.

Melalui tema Wilayah Persekutuan, Wilayah Prihatin yang digagaskan Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa, program-program yang

dirancang dan dirangka KWP mestilah mempunyai nilai prihatin dan cakna terhadap masyarakat lebih-lebih lagi situasi semasa rakyat yang masih bertarung dengan pandemik COVID-19.

Ketua Setiausaha KWP, **Datuk Seri Rosida Jaafar** berkata, tujuan utama program ini dilaksanakan adalah untuk menggembirakan golongan asnaf di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan melalui pemberian sumbangan

kepada golongan tersebut.

“Sebagai sebuah kementerian yang prihatin terhadap ketiga-tiga kawasan tersebut, kerajaan berpendapat Program Prihatin Ramadan ini wajar dilaksanakan untuk memberikan sedikit kegembiraan kepada golongan asnaf selain dapat mengurang bebanan yang ditanggung mereka,”

“Kerajaan perlu membantu rakyat dalam apa jua bentuk dan kita mendapati rakyat berhadapan dengan kesukaran dalam

kelangsungan kehidupan di Wilayah Persekutuan terutama di Kuala Lumpur,” katanya kepada *Wilayahku* pada Selasa.

Menurut Rosida, program tersebut merupakan kesinambungan daripada Program Nur Ramadan Wilayah Persekutuan yang diadakan sejak tahun 2010.

“Ia merupakan program sentuhan rakyat di mana pemimpin dapat melihat sendiri keadaan rakyat dan meraikan mereka di dalam majlis di semua kawasan parlimen di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

Mengulas lanjut, Rosida berkata, keunikan program pada tahun ini apabila ia turut melibatkan penyertaan kumpulan media terbesar tanah air.

“Program ini dilaksanakan dengan kerjasama strategik bersama Kumpulan Media Prima Berhad Berhad melalui sumbangan orang ramai kepada Tabung Kemanusiaan Media Prima-NSTP.

“Melalui kutipan tersebut, ia

turut diberikan kepada para asnaf di Program Prihatin Ramadan tahun ini.

“Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) juga turut menjadi Rakan Strategik Program Prihatin Ramadan pada tahun ini,” katanya.

Beliau berkata, seramai 2,000 asnaf di sekitar Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan telah dikenal pasti sebagai penerima di jemput untuk menerima sumbangan tersebut.

“Sumbangan adalah berbentuk wang tunai berjumlah RM300 dan satu set bakul makanan kepada asnaf.

Jelas Rosida lagi, hanya sebahagian asnaf yang dijemput untuk menghadiri majlis penyampaian sumbangan bersama menteri kerana ia masih tertakluk kepada prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan.

“Sebahagian asnaf akan menerima sumbangan melalui Pejabat Cawangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Perbadanan Putrajaya (PP), Perbadanan Labuan (PL) dan Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan dalam parlimen masing-masing,” katanya. **WK**



ROSIDA (dua dari kanan) menghulurkan sumbangan kepada gelandangan di Program Prihatin Ramadan @Anjung Kelana baru-baru ini.



ROSIDA



WILAYAH PERSEKUTUAN
WILAYAH
PRIHOTIN

Walau jarak memisahkan kita,
di hati tetap bersama.
Prihatin Sesama Kita, Beraya Di Kota!



Selamat
Hari Raya
aidilfitri

Maaf Zahir Batin

Sajian menyelerakan pada harga berpatutan



SYAHIDI BAKAR

MENYAJIKAN lebih 30 jenis menu makanan yang beraneka citarasa dan tradisi, merupakan antara keunikan ditawarkan oleh pengendali perkhidmatan katerer dan pengurusan acara, Namida Garden & Event melalui pakej Buffet Ramadan 2021.

Beroperasi setiap hari sepanjang bulan Ramadan bertempat di Salak Tinggi, Selangor, menu sajian dihidangkan sesuai untuk semua peringkat umur pelanggan daripada kanak-kanak sehingga warga emas dengan harga dikenakan berpatutan,



RM55 untuk dewasa dan RM20 untuk kanak-kanak berusia 7 hingga 12 tahun.

Ketua Pegawai Eksekutif Namida Garden & Event, Munirah Nordin berkata, pakej Buffet Ramadan disediakan turut memberi keistimewaan kepada kanak-kanak bawah usia 5 tahun, tidak dikenakan bayaran sebagai usaha meraikan para pelanggan dalam kalangan mereka yang berkeluarga untuk merasai kelainan ditampilkan di sini.

Selain menu makanan katanya, kemudahan yang disediakan kondusif dengan kapasiti dewan yang mampu menampung kira-kira 150 tetamu dalam satu-satu masa selain kemudahan parkir luas dan surau serba lengkap.

"Untuk minggu ketiga dan terakhir Ramadan kali ini, antara menu hidangan menjadi pilihan ramai adalah ayam masak rempah, sambal sotong dan rendang daging, ayam masak merah dan masak kicap serta ikan Keli berlada selain sajian sedikit moden iaitu oyster pak Choi atau terung.

"Kami juga sentiasa memastikan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) diikuti oleh setiap pengunjung mahupun pekerja bagi mengelak sebarang risiko tidak

diingini. Jadi para pelanggan tidak perlu bimbang, *Insy-A Allah* semua berada dalam keadaan terkawal," katanya.

Bagi meraikan Ramadan kali ini lebih bermakna dengan Norma Baharu, Namida Garden & Events mengangkat tema Nostalgia Desa sebagai cara meraikan para pelanggannya yang dihargai. Bagi tujuan tersebut satu sudut khas disediakan untuk sesi fotografi dan merakam kenangan.

Mengulas lanjut, Munirah berkata, selain daripada hidangan lebih daripada 30 menu makanan yang menggamit memori desa, turut disediakan stall Live Cook untuk dinikmati oleh pelanggan setiap masa sepanjang tempoh berbuka puasa.

Katanya, dalam keadaan terkawal dan mengikut SOP ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) semua pelanggan masih boleh menikmati hidangan Buffet Ramadan 2021 yang disediakan oleh Namida Garden & Events dengan selesa.

"Selain itu kami turut kenalkan promosi istimewa dengan setiap tempahan untuk 10 pelanggan ada satu pakej percuma diberikan sebagai ransangan

untuk pengunjung berkumpulan.

"Jadi dengan semua kemudahan, keistimewaan diberikan ini, para pelanggan akan memilih kami sebagai lokasi menjamu selera dengan kelebihan berbaloi dengan wang dibelanjakan," katanya. WK



iKKI BUKA 24 JAM

Salam Aidilfitri & SELAMAT HARI PEKERJA

Shuib Sepatu

TEMPOH PROMOSI : 20/4/2021 - 17/5/2021

Rm 2.59 /unit
FANTA Grape/Orange/Strawberry 1.5L

Rm 2.99 /unit
COCA-COLA 1.5L

Rm 3.39 /unit
COCA-COLA Tanpa Kalori 1.5L

Rm 3.39 /unit
A&W Sarsaparilla 1.5L

Rm 3.99 /unit
MINUTE MAID Pulpy Orange/Tropical 1.5L

Rm 4.39 /unit
HEAVEN & EARTH Jasmine/Mango Green Tea/Lemon/Passion Fruit Tea 1.5L

Rm 3.49 /unit
CELSIUS Sparkling Orange/Peach Mango Green Tea 325ml

Rm 2.99 /unit
RED BULL Plus 250ml

Rm 2.99 /unit
RED BULL Gold Can/Less Sugar 250ml

Rm 2.59 /unit
RxD BULL Flavoured Drink 250ml

Rm 10.99 /unit
HORICKS 3 IN 1 Lite/Original/Cereal 10x28g/10x32g

Rm 7.99 /unit
PLANTA Margarine New UG 480g

Rm 4.79 /unit
PLANTA Margarine New UG 240g

Rm 9.99 /unit
OSK Green Tea 20sx2g

Rm 5.99 /unit
EB Korea Fish Strips 250g

Rm 3.29 /unit
CSR Better Brown Sugar 1kg

Rm 7.99 /unit
SOSSY Crispy Fried Chicken Wonton 380g

Rm 4.49 /unit
KIT KAT Bites 200g

Rm 5.50 /unit
MR. BEST Mixed Nuts 180g

Rm 5.49 /unit
MR. BEST Cracker Peanuts/Roasted Peanuts 200g/220g

Rm 7.99 /unit
QUAKER Instant/Quick Cook Oatmeal 800g

Rm 7.99 /unit
CODE 10 Styling Gel Super Strong Hold/Hard Hold 170ml

Rm 3.59 /unit
TENDER SOFT Baby Wipes/Fragrance Free Baby Wipes 30's

Rm 4.59 /unit
NICE Kitchen Towel 2x60's

Rm 8.19 /unit
NICE Facial Box 2 Ply 4+1x70's

Rm 4.59 /unit
TIGER BALM Cool/Warm Plaster 7x10cm 2's

Rm 3.99 /unit
SALONPAS Plaster 10's

Rm 3.99 /unit
ARM & HAMMER Baking Soda 227g

Rm 1.99 /unit
SCHICK Exacta 2 Regular 1's

Raya PKP: Sedih tetapi reda...

DEEL ANJER



Wany Hasrita beraya bersama ibu

PELANTUN lagu Canggung, **Wany Hasrita**, 28, dia rasa bertuah apabila setiap tahun dapat beraya dengan ibu dan ayah.

"Seperti biasa, saya akan beraya berdua bersama ibu di Semenyih, Selangor. *Insya-Allah*, ayah yang tinggal di Cheras akan datang beraya di rumah."

"Apa-apa pun tengok keadaan juga, kalau tidak dibenarkan merentas daerah agak susah untuk beraya dengan ayah."

"Tidak dinafikan ramai yang sedih apabila beraya dalam keadaan tidak boleh merentas negeri. Walaupun boleh lakukan panggilan video, kemeriahannya tidak sama seperti berjumpa secara dekat," ujarnya yang bakal muncul dengan lagu berjudul *Pedas*.

WANY HASRITA

Afieq Shazwan cindu rumah terbuka

BERBEZA dengan yang lain, penyanyi dan pelakon **Afieq Shazwan**, 23, mengaku PKP tidak mengganggu sambutan hari raya bersama keluarga.

"Saya beraya bersama keluarga besar saya dan kami tinggal serumah. Adik-beradik saya semua sudah berkahwin tetapi kami tinggal bersama, jadi tidak timbul soal merentas negeri."

"Cuma bezanya, kami selalu konvoi beramai-ramai untuk beraya, tetapi kali ini tidak mungkin kerana perlu patuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan."

"Apa yang paling saya rindu adalah menghadiri rumah terbuka yang tidak dapat dilakukan dalam tempoh PKP."

"Kebiasaannya saya dijemput menyanyi dalam acara rumah terbuka, rindu nak menyanyi di atas pentas," ujar Afieq Shazwan yang popular dengan lagu *Darjat* dan *Lelaki Di Telefon*.



AFIEQ SHAZWAN

Hari raya tak bermakna tanpa ibu di sisi - Ramlah Ram

BAGI penyanyi **Ramlah Ram**, 56, beraya dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) memang tidak meriah namun akur perintah tersebut untuk kebaikan semua rakyat.

"Sudah tentu rasa sedih apabila tahun kedua tidak dapat beraya bersama ibu di Kluang, Johor."

"Bagi mereka yang ada suami dan keluarga mungkin tidak terasa sedih sangat apabila tidak boleh merentas negeri. Lainlah saya ni hidup solo dan tiada siapa-siapa di Kuala Lumpur."

"Kalau orang tanya tentang persiapan raya, saya akan jawab tiada apa-apa yang nak disediakan pun."

"Iyalah, setiap kali hari raya apa yang saya fikir adalah mahu beli pakaian dan kuih-muih untuk mak. Jadi, apabila semua itu tidak dapat dilakukan, hari raya saya seolah-olah tak bermakna tanpa ibu di sisi."

"Apa yang saya paling rindu sudah tentu sambal kacang air tangan mak. Sambal kacang Johor ini lain daripada yang lain."

"Apa boleh buat, memanglah sedih beraya dalam tempoh PKP, tetapi kenalah reda kerana itu adalah untuk kebaikan semua," ujar Ramlah Ram yang muncul dengan lagu raya berjudul *Kemenangan*.



RAMLAH RAM

'Bagus juga PKP, baik untuk anak saya' - Tajul Arif

JIKA ramai yang sedih kerana tidak boleh merentas negeri, penyanyi lagu *Sedalam-dalam Rindu*, **Tajul Arif**, 23, pula menganggap tempoh PKP adalah yang terbaik buat anaknya.

"Biasanya setiap tahun balik beraya di Seremban, Negeri Sembilan tapi tahun ini beraya di rumah sendiri bersama isteri dan anak di Kuala Lumpur."

"Sebenarnya bagus juga PKP, baik untuk anak sulung saya dan bayi yang dijangka lahir pada pertengahan bulan ini."

"Iyalah, kalau bukan musim PKP, tentu ramai yang datang ziarah anak-anak saya dan secara tak langsung mendedahkan mereka dengan COVID-19," jelas Tajul Arif yang kini bahagia bersama isterinya Nurul Shamieza Eddie dan anak mereka, Adriana Carisa yang berumur setahun.



TAJUL ARIF



Zali Rusli batalkan hasrat bercuti

PENYANYI Zali Rusli, 16, yang juga adik Haqiem Rusli ini mengaku terpaksa melupakan hasrat mahu bercuti bersama keluarga di Pulau Langkawi, Kedah.

"Setiap tahun saya beraya di Hulu Langat, Selangor bersama keluarga. Jadi, tidak timbul soal kecemasan atau sedih kerana saya tinggal bersama keluarga."

"Namun apa yang menyediakan perancangan kami sekeluarga untuk bercuti di Pulau Langkawi terpaksa dilupakan. Hari raya sahaja waktu sesuai bercuti kerana semua ahli keluarga ada," ujarnya.

Zali Rusli yang mini muncul dengan lagu *Kamu Cantik Malam Ini* ciptaan Haqiem Rusli dan Sharon Paul turut menyatakan PKP adalah demi kebaikan bersama dalam usaha memerangi COVID-19.

Muna Shahirah rasai suasana lebih terkawal

PENYANYI yang popular dengan lagu *Teguh Setia* dan *Takdir Cinta*, **Muna Shahirah**, 26, akan beraya di Mersing, Johor, namun mengaku rindukan suasana hari raya sebelum negara diserang COVID-19.

Baginya, beraya dalam tempoh PKP pada masa ini mempunyai kebaikan tersendiri kerana suasana lebih terkawal.

"Jika tahun lepas ramai yang tidak boleh terima beraya tanpa keluarga, tetapi tahun ini mereka sudah boleh faham situasi kenapa tidak boleh merentas negeri demi kebaikan semua."

"Tidak dinafikan, saya rindu kemeriahan suasana menyambut hari raya bersama atuk, nenek dan saudara mara di Pahang. Bagi saya hari raya adalah masa untuk keluarga berkumpul, namun disebabkan PKP semua itu terpaksa dilupakan," ujar Muna Shahirah yang bakal muncul dengan lagu baharu tidak lama lagi. **W.K**



MUNA SHAHIRAH

Bayar zakat melalui skim potongan gaji

Majikan perlu galakkan pekerja tunai kewajipan



SYAHIDI BAKAR

KEWAJIBAN berzakat ke atas semua umat Islam yang telah memenuhi syarat, iaitu cukup haul dan nisab, harus dipandang serius oleh semua pihak termasuk kalangan majikan di negara ini.

Peranan tersebut wajib digalas seseorang ketua dengan menggalakkan berzakat dalam kalangan perkerja sebagai suatu kewajipan yang telah pun dipertanggungjawab ke atas setiap umat Islam tanpa berkecualai.

Dengan pelbagai medium bayaran mudah disedia sama ada secara *online* maupun konvensional termasuk melalui skim potongan gaji bulanan, maka tiada alasan untuk umat Islam masih gagal menunaikan kewajipan zakat yang amat dituntut dalam agama.

Perkara tersebut jelas Pengerusi Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP), Datuk Seri Syed Ali Syed Abbas Al Habshee, penting kerana majikan sebagai pihak bertanggungjawab ke atas pekerjanya wajib untuk memastikan kewajipan zakat ditunaikan.

Beliau berkata, dengan ketetapan kadar zakat 2.5 peratus daripada pendapatan, adalah tidak logik sekiranya masih terdapat umat Islam yang tidak menunaikan kewajipan tersebut dengan berbagai alasan termasuk membebankan atau tidak tahu cara membayarnya.

"Tunaikan zakat salah satu daripada

rukun Islam merupakan perintah Allah. Namun, masih ramai mengabaikan rukun Islam ketiga itu walau telah layak menunaikan zakat.

"Zakat merupakan cara menyucikan harta selain menunjukkan kesyukuran kepada Allah. Amalan zakat itu sendiri banyak kelebihan bukan sahaja terhadap harta dimiliki malah pada pemilik harta itu sendiri.

"Sebagai majikan bertanggungjawab, zakat juga secara tak langsung mampu melahirkan pekerja yang amanah, telus dan berdedikasi malah akan menjana produktiviti kepada syarikat," katanya dalam temu bual bersama media di Ibu Pejabat PPZ-MAIWP di Taman Shamelin, baru-baru ini.

Selain menyucikan harta, zakat juga berperanan dalam membangunkan ekonomi umat Islam di mana duit zakat yang dikutip akan disalur kepada asnaf yang layak.

Kaedah ini secara langsung dapat merapat jurang antara golongan kaya dengan miskin yang mana matlamatnya adalah mengeluarkan warga asnaf daripada kepompong kemiskinan.

Menurut Syed Ali, kewajipan berzakat tidak akan menyebabkan seorang pembayar menjadi miskin, sebaliknya keberkatan wang dibelanjakan kepada kebaikan itu akan dilipatgandakan selain jadikan kehidupan individu itu lebih tenang dan berkat.

Katanya, apabila kita mengeluarkan harta dengan tujuan kebaikan Allah akan lipatgandakan lagi harta tersebut lebih dari zakat yang dikeluarkan hanya 2.5 peratus sahaja.

Perumpamaan nafkah dikeluarkan oleh mereka yang menafkahkan hartanya di jalan Allah adalah serupa dengan sebiji benih yang

menumbuhkan tujuh butir lagi, pada tiap-tiap butir itu 100 biji Allah melipatgandakan ganjaran bagi siapa yang dikehendaki-Nya.

"PPZ-MAIWP sentiasa berusaha sebaik mungkin untuk permudahkan urusan pembayaran zakat. Antara pelbagai saluran disediakan ialah perkhidmatan di 10 Kaunter PPZ-MAIWP dibuka setiap hari pada sepanjang Ramadan termasuk cuti umum.

"Selain itu, Perkhidmatan kaunter Zakat Digital (KZD) juga dilaksanakan untuk kemudahan para pelanggan yang boleh berurusan tanpa perlu ke kaunter dengan membuat janji temu untuk diselia oleh pegawai zakat PPZ-MAIWP sehingga selesai proses bayaran zakat.

"Selain itu, Perkhidmatan *Door to Door* turut disediakan khas untuk pembayar yang ingin mendapat layanan peribadi dengan nilai bayaran minimum ditetapkan RM1,000," ujarnya.

Dalam pada itu, Syed Ali menjelaskan kefahaman kewajipan untuk umat Islam menunaikan zakat fitrah di bulan Ramadan telah pun jelas, namun bagi zakat harta masih ada segelintir golongan masyarakat yang kurang faham mengenainya.

Justeru katanya, pelbagai kempen hebat dan promosi giat dilaksanakan oleh PPZ-MAIWP secara berterusan dalam usaha memberikan kesedaran di samping menggalakkan orang Islam tunaikan kewajipan yang dituntut itu.

"Zakat berperanan penting menangani masalah pengangguran dan kemiskinan. Orang miskin tidak mempunyai modal minimum bagi menjalankan suatu perusahaan atau perniagaan. Oleh itu, jika sistem zakat berjalan mengikut ketetapan, maka sudah tentu orang miskin juga berhak menerima bahagian masing-masing," katanya.

Dalam pada itu, Syed Ali turut menjelaskan, pada tahun ini, sasaran kutipan keseluruhan zakat oleh PPZ-MAIWP sebanyak RM800 juta berbanding pencapaian tahun sebelumnya RM756 juta.

Sasaran tersebut katanya, realistik untuk dicapai sekiranya kesedaran dan tanggungjawab semua umat Islam di Wilayah Persekutuan khususnya, membayar zakat ditunaikan sepenuhnya.

"Berdasarkan data kami nilai kutipan PPZ-MAIWP masih tidak



PELANCARAN kaedah bayaran zakat terbaru diperkenalkan oleh PPZ-MAIWP, Aplikasi MYZAKAT 2021 yang disempurnakan oleh Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Datuk Seri Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri.

selari dengan bilangan orang ramai bekerja di sini. Anggaran ada lebih 500,000 orang pekerja (Islam) yang layak dan wajib membayar zakat, namun jumlah yang menunaikan kewajipan itu setakat ini cuma 370,000 orang sahaja.

"Justeru, sempena keberkatan Ramadan ini, saya ingin menyeru kepada semua umat Islam yang memiliki harta dan cukup nisab RM20,299 untuk tahun 2021 dan cukup haul, wajib baginya untuk tunai 2.5% dari hartanya untuk dimanfaatkan golongan asnaf," katanya.

Dalam berdepan pandemik COVID-19 ini, semakin ramai rakyat terjejas pendapatan akibat terpaksa dibuang kerja, dipotong gaji, terjejas pendapatan dan

semestinya mereka memerlukan semangat untuk bangkit semula.

Sehubungan itu kata Syed Ali, dengan zakat yang ditunaikan ia akan menjadi salah satu semangat buat mereka untuk kembali bangkit serta keluar dari kepompong kemiskinan.

"Dalam harta kita ada hak orang lain. Tidak adil sekiranya kita berkira untuk memberi sebahagian daripada harta kita untuk memberi senyuman kepada mereka yang memerlukan."

"Selain itu, zakat yang ditunaikan akan menjadi saham kita di akhirat kelak. Sesungguhnya zakat itu satu pelaburan yang amat menguntungkan bukan sahaja di dunia, malah lebih berharga di akhirat kelak," katanya. **WK**

Antara saluran disediakan PPZ-MAIWP adalah:

10 Kaunter PPZ-MAIWP

Kaunter PPZ-MAIWP dibuka setiap hari sepanjang Ramadan termasuk cuti umum.

Waktu Operasi : 8:15 pagi - 4:30 petang
Hari Terakhir Ramadan : 8:15 pagi - 1:00 petang

Perkhidmatan Kaunter Zakat Digital (KZD)

Pembayar juga boleh berurusan tanpa perlu ke kaunter dengan membuat janji temu untuk diselia oleh pegawai zakat PPZ-MAIWP sehingga selesai proses bayaran zakat. Janji temu boleh dilakukan di www.zakat.com.my

Perkhidmatan *Door to Door*

Perkhidmatan khas untuk pembayar yang ingin mendapatkan layanan secara personal atau mempunyai kekangan masa untuk ke kaunter melalui perkhidmatan.

Ride2U dan Kaunter Zakat Bergerak (KZB)

Tempahan boleh dibuat di 1300-885757.
Waktu operasi dari 9.00 pagi - 5.00 petang.

Saluran Bayaran Online Portal Rasmi PPZ-MAIWP

Zakat Fitrah : fitrah.zakat.com.my
Zakat Harta : zakat.com.my

Aplikasi MyZakat

Pembayar boleh kira, semak dan bayar rekod bayaran zakat di mana sahaja dengan lebih cepat, mudah dan selamat.
Pembayaran zakat lebih mudah dilakukan dengan menggunakan kaedah pembayaran mudah alih.
Boleh didapati secara percuma dengan memuat turun di [Google Play](#) dengan carian **MyZakat**.

Ejen Kutipan Zakat di Perbankan Internet (15 bank)

E-wallet - Boost, Shopee, GoPayz.

PPZ-MAIWP juga memperkenalkan **Skim Kafalah Muzakki PPZ-MAIWP** kepada pembayar zakat yang setia menunaikan kewajipan zakat mereka di PPZ-MAIWP. Skim ini dilaksanakan dengan pemberian sumbangan sehingga RM3,000 untuk ringankan beban waris sekiranya berlaku kes kematian terhadap pembayar.



PENGERUSI PPZ-MAIWP, Datuk Seri Syed Ali Syed Abbas Al Habshee.

Merebut pahala ibadah Lailatul Qadar



SOALAN

A SSALAMUALAIKUM
SS Mufti, mohon panduan daripada tuan mufti bagi kami yang ingin memburu Lailatul Qadar. Terima kasih.

HURAIAN JAWAPAN

Memasuki fasa terakhir bulan Ramadan, terdapat sebuah malam yang dijanjikan oleh Allah SWT lebih baik daripada 1000 bulan.

Kita digalakkan untuk memperbanyakkan amalan soleh pada malam-malam terakhir bulan Ramadan untuk meraih pahala beribadah pada malam al-Qadr tersebut.

Bilakah berlakunya Lailatul Qadar?

Para ulama Islam mengatakan bahawa Lailatul Qadar berlaku pada bulan Ramadan iaitu pada malam diturunkan al-Quran.

Firman Allah SWT: Maksudnya: "Bulan Ramadan yang mana padanya telah diturunkan al-Quran." **Surah al-Baqarah (185)**

Begitu juga firman Allah SWT yang menyatakan bahawa al-Quran telah diturunkan pada malam al-Qadr iaitu: Maksudnya: "Sesungguhnya Kami (Allah) telah menurunkannya (al-Quran) pada malam al-Qadr." **Surah al-Qadr (1)**

Dan, maksudnya: "Sesungguhnya Kami (Allah) telah menurunkannya (al-Quran) pada malam yang diberkati." **Surah al-Dukhan (3)**

Para ahli tafsir seperti Imam al-Thabari, Imam al-Baghawi, dan juga Imam Ibn Kathir ketika menafsirkan ayat ketiga dari surah al-Dukhan di atas telah

menukarkan pandangan tokoh besar seperti Imam Qatadah dan juga Imam Abu Zaid.

Mereka mengatakan bahawa yang dimaksudkan dengan malam yang mubarakah (diberkati) tersebut adalah Lailatul Qadar. Lihat Tafsir al-Thabari, Ibn Jarir al-Thabari (22/7).

Hari apakah berlakunya Lailatul Qadar dalam bulan Ramadan?

Setelah kita mengetahui bahwasanya Lailatul Qadar berlaku di dalam bulan Ramadan, maka pada hari apakah ia berlaku di dalam bulan tersebut?

Adakah ia berlaku pada 10 malam terawal, 10 yang pertengahan, atau 10 malam yang terakhir?

Terdapat beberapa hadis yang boleh menjawab persoalan ini. Antaranya adalah daripada Abdullah Ibn Umar R.anhuma beliau berkata bahwasanya Rasulullah SAW bersabda: Maksudnya: "Carilah Lailatul Qadar itu pada 10 malam yang terakhir (bulan Ramadan)."

Riwayat Muslim (1165)

Daripada Ummul Mukminin A'isyah R.anha beliau meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda: Maksudnya: "Carilah kalian Lailatul Qadar itu pada malam-malam ganjil dari 10 malam yang terakhir bulan Ramadan." **Riwayat al-Bukhari (2017)**

Berdasarkan kedua-dua riwayat yang sahih di atas, dapatlah kita faham dan ketahui bahawa Lailatul Qadar berlaku pada 10 malam terakhir dari bulan Ramadan dan ia berlaku pada salah satu malam yang ganjil dalam 10 hari terakhir tersebut iaitu 21, 23, 25, 27, serta 29 Ramadan.

Amalan pada 10 malam terakhir bulan Ramadan

Rasulullah SAW merupakan individu yang bersungguh-sungguh menghidupkan malam bagi memburu ganjaran Lailatul Qadar.

Berdasarkan sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Saidatina A'isyah R.anha: Maksudnya: "Adalah Nabi SAW apabila masuknya 10 hari terakhir (bulan Ramadan) baginda akan mengetatkan ikatan di pinggangnya, baginda menghidupkan malam harinya, dan baginda membangunkan ahli keluarganya (untuk beribadah)."

Riwayat al-Bukhari (2024)

Merujuk kepada hadis tersebut, terdapat tiga amalan khusus yang dilakukan oleh Rasulullah SAW:

1) Mengetatkan ikatan di pinggang baginda

Imam al-Hafiz Ibn Rajab Rahimahullah mengatakan pendapat yang paling sahih akan maknanya adalah Rasulullah SAW mengasingkan dirinya daripada isteri-isteri baginda. Lihat **Lathaif al-Maarif, Ibn Rajab (Hlm. 332)**.

2) Menghidupkan malam

Sebahagian fuqaha dari kalangan Syafeeyyah berkata: "(Ganjaran) menghidupkan malam itu dapat diperoleh dengan seseorang itu melakukan solat Isyak secara berjamaah dan dia berazam untuk melakukan solat Subuh secara berjamaah."

Begitu juga kata Imam al-Syafie Rahimahullah: "Sesiapa yang menghadiri solat Isyak dan solat Subuh (secara berjamaah) pada Lailatul Qadar maka dia telah mendapatkan ganjaran darinya (beribadah pada malam Lailatul Qadar)." Rujuk **Lathaif al-Maarif, Ibn Rajab (Hlm. 329)**.

3) Menggerakkan ahli keluarga untuk beribadah.

Ketika masuknya 10 malam terakhir bulan Ramadan,



Rasulullah SAW mengejutkan isteri-isteri dan ahli keluarga untuk bangun beribadah.

Bahkan, terdapat riwayat yang menunjukkan bahawa baginda pergi mengetuk pintu Saidatina Fathimah R.anha dan Saidina Ali bin Abi Thalib R.anhu lalu berkata: Maksudnya: "Apakah kamu berdua tidak bangun lalu menunaikan solat?" **Riwayat al-Bukhari (1127)**

Kelebihan beribadah pada Lailatul Qadar

Antara kelebihan menghidupkan malam Lailatul Qadar dengan ibadah adalah seperti berikut:

1) Dosa-dosa kecil diampunkan

Ini adalah berdasarkan sebuah riwayat daripada Abu Hurairah R.anhu beliau berkata bahawa Nabi SAW bersabda: Maksudnya: "Sesiapa yang melakukan qiyam pada Lailatul Qadar dengan penuh keiman dan mengharapkan ganjaran berserta keampunan nescaya akan dihapuskan dosasnya yang terdahulu." **Riwayat al-Bukhari (1901)**

Istilah qiyam berdasarkan hadis di atas bermaksud menghidupkan

malam Lailatul Qadar dengan ibadah seperti solat tarawih, bacaan al-Quran, berzikir, berdoa, berikhtikaf, membaca al-Quran, bersedekah, dan segala amalan soleh yang lain.

2) Ganjaran amalan melebihi 1000 bulan

Ini adalah berdasarkan firman Allah SWT: Maksudnya: "Malam al-Qadr itu lebih baik daripada 1000 bulan." **Surah al-Qadr (3)**

Kata al-Imam Ibrahim al-Nakhaiye Rahimahullah ketika menafsirkan ayat ini: Beramat pada malam tersebut (Lailatul Qadar) lebih baik daripada beramat pada 1000 tahun. Lihat **Lathaif al-Maarif, Ibn Rajab (Hlm. 34)**.

Semoga pencerahan ini sedikit sebanyak dapat memberi galakan kepada kita untuk memperbanyakkan amalan soleh pada 10 malam terakhir bulan Ramadan khususnya bagi memburu Lailatul Qadar.

Marilah kita berdoa kepada Allah SWT agar Dia merezekikan kepada kita semua untuk bertemu dengan malam tersebut.

Wallahu'a'lam. WK

IKLANKAN PERNIAGAAN ANDA BERSAMA

Wilayah Ku MEDIA WAEGA KOTA

KADAR HARGA IKLAN [AKHBAR]



RM7,500



RM5,500



RM4,500



RM4,500

KADAR HARGA IKLAN [PORTAL ONLINE]

FRONT BANNER 1080px X 96px	RM2,500
MIDDLE BANNER 1080px X 280px	RM2,000
MEDIUM RECTANGULAR 350px X 280px	RM1,500
HALF PAGE 350px X 500px	RM1,000

50,000 naskhah akhbar WILAYAHKU diedarkan secara PERCUMA setiap minggu di lebih 300 lokasi strategik seperti di stesen komuter/MRT/LRT, hotel, pasar raya, pejabat-pejabat kerajaan dan lain-lain di seluruh Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

BERMINAT?

Untuk khidmat rungging pengiklanan sila hubungi:

012-208 6354 (V. KUMAR VEERAN)

Pengurus Pengiklanan

011-1069 2962 (ZUHAIRI)

Eksekutif Jualan dan Pemasaran

03-8861 5260 (PEJABAT)

Alamat:

Aras 9, Blok 1,
Menara Seri Wilayah,
62100 Putrajaya.

Empat sekatan jalan di sekitar Putrajaya sempena Aidilfitri



HAZIRAH HALIM

POLIS akan menguatkuasakan sekatan jalan raya yang lebih ketat sepanjang musim perayaan ini di sekitar Putrajaya.

Menurut Ketua Polis Daerah (IPD) Putrajaya, **Asisten Komisioner Mohd Fadzil Ali**, sekatan jalan raya akan dilaksanakan sepanjang musim perayaan terutamanya di laluan susur keluar masuk Putrajaya.

"Empat laluan tersebut melibatkan Lebuhraya Sentosa menghala keluar ke Lebuhraya Mex di KM 4.0, Persiaran Selatan menghala keluar ke Dengkil-

KM 9.3, Pintu 2A Persiaran Utara (Pintu 2A) menghala keluar ke Hospital Serdang-KM 5.9 dan Persiaran Utara (pintu 3) menghala keluar ke Puchong-KM 1.0.

"Kesemua laluan ini akan dikawal oleh 116 anggota bertugas. Mereka terdiri daripada pegawai polis, Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA)," katanya ketika ditemui *Wilayahku* di majlis penyampaian sumbangan bubur lambuk dan barang kudapan kepada warga IPD Putrajaya pada



MOHD FADZIL

Iasnin.

Sementara itu, Fadzil berkata, sehingga kini anggotanya berjaya mengawal Putrajaya sebagai satu-satunya kawasan hijau (*Green Zone*) di Wilayah Persekutuan.

Ini kerana, jelasnya kawasan sekeliling di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur seperti Wangsa Maju, Sentul, Dang Wangi dan Cheras merupakan kawasan merah (*Red Zone*).

"Berdasarkan komitmen yang diberikan oleh anggota IPD Putrajaya, kita dapat mengawal pergerakan keluar masuk kawasan Putrajaya. Sekiranya mereka masuk di sini untuk melakukan aktiviti, kami akan memberikan

nasihat untuk mematuhi segala prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan.

"Saya memohon kerjasama semua pihak sepanjang kawalan

pergerakan rentas daerah atau negeri dilaksanakan, saya berharap agar warga Putrajaya dapat memahami tugas kami," jelasnya. **W.K**



Alamanda prihatin terhadap barisan hadapan Putrajaya

PUSAT beli-belah Alamanda menyalurkan sumbangan kepada barisan hadapan di Putrajaya sebagai tanda penghargaan kepada mereka dalam memerangi pandemik COVID-19.

Menurut Pengurus Besar Alamanda, **Ameer Hussain Thajudeen**, jumlah yang diperuntukkan adalah hasil dana Alamanda iaitu RM15,000.

Ujarnya, ia akan diserahkan kepada petugas perubatan di Hospital Putrajaya dan Ibu Pejabat Polis Putrajaya.

"Kempen Hari Raya ini menggunakan dana Alamanda sendiri yang mana kita memperuntukkan sebanyak RM10,000 termasuk 2,700 pek bubur lambuk yang akan diberikan kepada petugas kesihatan di wad serta jabatan-jabatan hospital termasuk unit kecemasan dan trauma di Hospital Putrajaya.

"Manakala sumbangan RM5,000 termasuk 700 pek bubur lambuk akan diberikan kepada Ibu Pejabat Polis Putrajaya yang melibatkan seramai 600 pegawai," katanya kepada *Wilayahku* semasa majlis penyampaian sumbangan persediaan awal Hari Raya Aidilfitri pada Isnin.

Imbas kod QR untuk menonton video



PPj, Kelab Media Putrajaya rai petugas barisan hadapan

PERBADANAN Putrajaya (PPj) bersama Kelab Media Putrajaya tampil meraikan petugas barisan hadapan di Putrajaya dengan mengedarkan 370 pek juadah berbuka dan bersahur.

Program yang julung kali diadakan itu sebagai tanda menghargai jasa petugas barisan hadapan yang sentiasa bertugas tanpa mengira waktu dalam situasi COVID-19.

Menurut Presiden PPj, **Datuk Muhammad Azmi Mohd Zain**, program kerjasama antara PPj dan Kelab Media Putrajaya ini merupakan usaha murni bagi mengenang jasa petugas barisan hadapan.

"Mereka sentiasa komited menjalankan tugas bagi memastikan pandemik COVID-19 dapat dikawal



AZMI (tengah) turun padang menyerahkan paket bersahur kepada petugas di Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Putrajaya.

dan dibendung tidak kira masa," ujar beliau sejurus menyempurnakan agihan makanan kepada petugas yang dirai.

Turut hadir pada program tersebut Naib Presiden Kanan Perkhidmatan Korporat PPj, Datuk TPr Azizi Ahmad Termizi dan Pengarah Komunikasi Korporat PPj, Tengku Aina

Tengku Ismail Shah.

Terdahulu, bermula seawal pukul 4 pagi, sejumlah 170 pek makanan bersahur diagihkan ke Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Putrajaya dan sekatan jalan raya Lebuhraya Sentosa diikuti dengan sumbangan pek makanan berbuka sebanyak 200 pek di Hospital Putrajaya pada pukul 4.30 petang. **W.K**



KAKITANGAN Hospital Putrajaya turut menerima pek juadah berbuka puasa.



AMEER (dua kiri) bersama sebahagian petugas barisan hadapan Hospital Putrajaya selepas menyerahkan sumbangan makanan.



**PAKEJ
CUTI
PENJAWAT
AWAM**

Bagus Baini ! SABAH & LABUAN

Tawaran pakej sah sehingga
31 Disember 2021



KEMENTERIAN PELANCONGAN,
SENI & BUDAYA MALAYSIA

Enchanting
SABAH
Malaysian Borneo



Sila layari

www.malaysia.travel/deals-packages

Hasrizal 'tau ke' seafood frozen Sabah di Putrajaya



DIANA SYUHADA
MOHD AMIR

BERMODALKAN hanya RM2,000 untuk memulakan perniagaan hasil laut sejuk beku, **Mohd Hasrizal Hashim**, 39, menganggap ia merupakan langkah kanan apabila hasil laut yang dijualnya mampu mencecah jualan kasar sehingga RM10,000 dalam sehari.

Mengimbas semula, Hasrizal yang juga seorang penjawat awam memulakan perniagaan ikan bilis Labuan sejak lima tahun yang lalu sebagai sumber pendapatan kedua selepas melihat permintaan yang tinggi terhadap hasil laut terutama apabila ada rakan-rakan yang melancong ke Malaysia Timur, dia menganggap perniagaan ini akan membuka satu lagi pintu pendapatan buat dirinya sekeluarga.

"Saya tengok kawan-kawan akan borong hasil laut di sana kerana harganya lebih



MOHD HASRIZAL



KETAM laut dalam dari Sabah yang padat dengan isi mendapat permintaan tinggi terutama pada hujung minggu.



ISI ikan salmon turut dijual jika ada permintaan.



ISI kerang (scallop pink) antara hasil laut yang bernutrisi tinggi.



UDANG dijual pada harga RM33/kg termasuk ais.



SOTONG ring yang besar mendapat permintaan tinggi kerana harganya murah dan senang dimasak.



ISI kerang gred A menjadi pilihan pembeli buat masa ini.

murah berbanding di sini, apabila tanya kawan-kawan di pejabat mereka mahu barang itu, saya lihat benda ini boleh dijual di sekitar Putrajaya jadi saya mula ambil udang dari Sabah terlebih dahulu dan cuba menjualnya," ujarnya apabila ditanya mengenai idea permulaan perniagaan sejuk beku ini.

Bermula dengan sebuah peti ais yang kecil untuk menyimpan barang beku kini Hasrizal mempunyai tiga lagi peti beku bersaiz besar bagi memuatkan barang beku yang dijualnya setelah mendapat permintaan tinggi di sekitar Putrajaya.

Ujarnya sejak memulakan perniagaan sebulan yang lalu, kini terdapat dalam 10 jenis hasil laut yang dijual seperti udang, kerang, isi udang, ketam, sotong serta banyak lagi. Pada masa ini sotong *ring* mendapat permintaan yang tinggi kerana harganya yang murah dan senang dimasak.

Julat harga bagi setiap barang adalah RM1,000 sebagai contoh sotong *ring*

akan dibeli sebanyak 10 kotak dan dijual pada harga sekilo RM18.

Isi udang pula dijual seminggu dalam tiga kotak bersamaan 60kg pada harga RM28 sekilo dan sedikit tinggi bagi udang di mana dijual pada harga RM33 sekilo.

Untuk ketam pula sekilo adalah RM35 bersamaan dengan tiga ekor ketam manakala *baby octopus* dijual pada harga RM18 sekilo.

Tambahnya *salmon* dan *lobster* juga dijual akan tetapi ianya bergantung kepada permintaan pembeli.

Setiap ahli perniagaan pastinya menghadapi masalah sewaktu mula bermula, Hasrizal mengakui turut mengalami kesukaran dalam mendapatkan pembekal hasil laut di awal perniagaannya namun lama kelamaan ianya tidak lagi menjadi masalah kerana sudah mendapat kepercayaan daripada pembekal sendiri.

Ayah kepada tiga orang anak ini memasarkan produknya hanya melalui *platform online* dan juga kawan-kawan terdekat. Apa yang menarik, Hasrizal mengambil inisiatif di mana orang ramai boleh membeli secara *online* dan 'runner' akan menghantar pesanan mereka. Tambahan caj penghantaran yang dikenakan sekitar Putrajaya adalah sebanyak RM5 sahaja.

Jelasnya sehingga kini perniagaan hasil lautnya itu mempunyai hampir 10 orang ejen di Kota Warisan, Kuala Lumpur, Dengkil dan juga Bangi.

Di Putrajaya, Hasrizal hanya mempunyai dua ejen kerana tidak mahu ejen menaikkan harga sesuka hati. Harga bagi ejen dikawal sepenuhnya oleh Hasrizal bagi mengelakkan kenaikan harga yang tidak masuk akal.

Bagi sesiapa yang berada di luar Putrajaya dan ingin menjadi ejen boleh hubungi Hasrizal di talian **019-281 9170** untuk maklumat lanjut.

Dalam pada itu, Hasrizal berkata dia sedar mengenai harga hasil laut yang tidak menentu terutama di musim tengkujuh akan tetapi memberi jaminan bahawa harga pada masa kini adalah tidak terlalu mahal dan

sesuai dengan kualiti serta kuantitinya.

"Kebiasaan hasil laut akan berhadapan kenaikan harga pada musim tengkujuh dan saya sedar mengenai perkara itu. Seperti sekarang ini pun harga masih murah kerana kita masih dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan orang tidak boleh masuk ke sana."

"Kita takut lepas PKP ini harga akan naik kerana orang luar dah boleh masuk tetapi buat masa sekarang tiada masalah kerana harga masih mampu milik lagi," jelasnya mengenai harga hasil laut yang tidak menentu. **wk**

Hasil Laut	Harga
Sotong ring	RM18/kg
Isi udang	RM28/kg
Udang	RM33/kg
Ketam	RM35/kg
Baby octopus	RM18/500g

Untuk tempahan sila hubungi:
019-281 9170



Masjid Kampung Sungai Bedaun 80 peratus siap



KORESPONDEN
KHAIRUL IDIN

PENDUDUK di Kampung Sungai Bedaun di sini bakal menarik nafas lega apabila pembinaan masjid baharu itu kini 80 peratus telah siap dan dijangka digunakan sepenuhnya pada Jun tahun ini.

Menurut Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), **Datuk Ahmad Marzuk Shaary**, projek pembinaan masjid itu yang mene-

lan belanja sudah hampir RM8.6 juta itu kini lapan puluh peratus siap.

Katanya, masjid tersebut mampu menampung hampir 1,000 jemaah dalam satu masa.

“Saya telah melawat projek pembinaan masjid Kampung Sungai Bedaun untuk kali kedua, sebelum ini beberapa bulan yang lalu saya telah melawat pembinaan awalnya yang kini hampir 80 peratus siap, pada bulan Jun ini ia akan dapat digunakan oleh jemaah,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Ramah Mesra Bersama Anak Yatim dan Asnaf di Kompleks Darul Kifayah Majlis

Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), pada Sabtu lalu.

Dalam perkembangan lain, Marzuk turut mengulas mengenai pembinaan Sekolah Menengah Agama Sungai Bedaun yang kini dalam pembinaan.

Jelasnya, projek itu dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) itu sedang mendapatkan kelulusan daripada Unit Perancangan Ekonomi (EPU) Jabatan Perdana Menteri untuk dilaksanakan.

“Kos pembinaan projek itu akan dibayai oleh kerajaan Persekutuan dan apabila siap sepenuhnya ia akan dikelolakan oleh MAIWP,” ujarnya. **WK**



MARZUK (tengah) meninjau projek pembinaan masjid baharu Kampung Sungai Bedaun yang bakal siap Jun ini.

MAIWP agih bantuan kepada 180 pesakit Hospital Labuan

SERAMAI 180 orang pesakit Hospital Labuan menerima bantuan wang tunai daripada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) yang membabitkan sejumlah RM18,000 sempena bulan Ramadan tahun ini.

Menurut Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), **Datuk Ahmad Marzuk Shaary**, bantuan itu bertujuan bagi meringankan beban mereka dalam menyambut ramadan tahun ini.

Katanya, MAIWP turut memperuntukkan sebanyak RM560,600 untuk Skim Bantuan Perubatan kepada Asnaf-asnaf pulau itu.

“Melalui bantuan yang disalurkan ini, MAIWP telah menunjukkan prestasi yang sangat baik dan amat memberangsangkan dalam membantu lebih ramai golongan yang memerlukan.

“Oleh itu, MAIWP selaku pemegang amanah para pembayar zakat juga telah menyediakan 30 skim bantuan yang ditawarkan yang mana turut melibatkan bantuan perubatan bulanan dan peralatan kesihatan secara one-off.

Beliau berkata demikian kepada pemberita di Program Penyampaian Sumbangan kepada Pesakit di Hospital Labuan, pada Ahad.

Hadir sama, Ahli Dewan Negara Senator Datuk Bashir Alias, Ahli Parlimen Labuan Datuk Rozman Isli.

Jelas beliau, inisiatif itu merupakan agenda utama dan keutamaan bagi pihak MAIWP sebagai sebuah institusi yang diamanahkan mengagihkan wang zakat di Wilayah Persekutuan bagi menyalurkan zakat kepada asnaf-asnaf yang memerlukan mengikut kelayakan dan bantuan yang bersesuaian.

“Melalui usaha ini, peranan MAIWP dalam membantu lebih ramai pesakit menjadi satu inspirasi dan contoh kepada agensi jabatan lain diluar sana,” katanya. **WK**



MARZUK (dua dari kiri) menyampaikan mock cek bantuan wang tunai 180 pesakit kepada Pengarah Hospital Labuan Dr Adnan.



KAPAL landing craft tanker berlabuh tanpa kebenaran di perairan Labuan.

APMM Labuan tahan kapal tanki berlabuh tanpa kebenaran

AGENSI Penguatkuasaan Maritim Malaysia Zon Labuan telah menahan sebuah kapal jenis ‘landing craft tanker’ berlabuh tanpa kebenaran di perairan Labuan, baru-baru ini.

Pengarah Zon Maritim Labuan, **Kapten Nudin Jusoh** berkata, penahanan kapal tersebut dilakukan pada jarak lebih kurang 0.5 batu nautika tenggara Jeti Minyak Shell, Labuan.

Katanya, kapal itu telah dikesan dan diperiksa oleh bot peronda Zon Maritim Labuan yang sedang dalam penugasan bersepada Ops Sejahtera/Ops Kuda Laut/Ops Benteng Timur.

“Hasil pemeriksaan mendapat kapal yang berdaftar di Indonesia itu telah berlabuh tanpa kebenaran dari pada Pengarah Jabatan Laut Malaysia,”

katanya dalam satu kenyataan media, baru-baru ini.

Jelas beliau lagi, seramai lapan kru telah ditahan dan dibawa ke jeti Zon Maritim Labuan untuk tujuan dokumentasi dan siasatan lanjut di bawah Ordinan Perkapalan Saudagar (MSO) 1952.

Justeru itu, Maritim Malaysia mengingatkan kepada nakhoda, ejen serta pemilik kapal untuk mematuhi peraturan serta undang-undang yang telah diwartakan bagi mengelakkan dari berlaku sebarang musibah atau dikenakan tindakan seperti yang telah termaktub di dalam peruntukan undang-undang.

“Maritim Malaysia tidak akan berkompromi dengan sebarang pencabulan undang-undang Persekutuan,” jelasnya. **WK**

KOMUNITI & MPP

Pembaca Wilayahku boleh kongsikan foto-foto dan aktiviti menarik untuk siaran ruangan ini. Hantarkan e-mel foto berserta keterangan mengenai aktiviti atau program tersebut kepada kami di editorwilayahku@gmail.com dan WhatsApp 011 - 5958 7489. Lampirkan juga nama pengirim dan nombor telefon untuk dihubungi.

Kongsi Nikmat Ramadan - YASENM santuni 300 warga kurang mampu

SHAHIDI BAKAR

PROGRAM Kongsi Nikmat bersempena Ramadan 2021 yang julung kalinya dianjurkan oleh Yayasan Setia Negara Malaysia (YASENM), telah memberi manfaat kepada kira-kira 300 orang warga kurang berkemampuan dari sekitar Kuala Lumpur.

Pelaksanaan program kebajikan itu kata Pegawai Perhubungan Awam YASENM, **Syamil Al-Nassir**, mensasarkan golongan kurang berasib baik dan hidup serba kekurangan, untuk disantuni dengan pemberian pek makanan selain barang keperluan dapur untuk kegunaan harian.

Katanya, pek sumbangan berisi pelbagai produk makanan asas antaranya beras, biskut, susu dan gula, minyak masak dan lain-lain, setiap satunya bernilai RM50 diagihkan kepada penerima terdiri daripada golongan asnaf, gelandangan selain ibu tunggal dan individu sebatang kara.

"Pek sumbangan yang diagih diajukan kepada tiga kategori berbeza iaitu lelaki, perempuan dan kanak-kanak bertujuan memastikan barang diberi bersesuaian dengan kegunaan penerimanya yang terdiri daripada golongan berbeza.

"Selain makanan dan barang asas, setiap para penerima turut diberi topeng pelitup muka serta hand sanitizer sebagai galakkan mereka patuhi norma baharu bagi mencegah COVID-19. Secara keseluruhan, RM30,000 diperuntukkan YASENM jayakan program Kongsi Nikmat Ramadan 2021," katanya semasa agihan sumbangan kepada para penerima di Pusat Khidmat Gelandangan Medan Tuanku, Kuala Lumpur.

Objektif utama pengurusan program, menjiwai semangat Rukun Negara kelima iaitu kesopanan dan kesusailaan dengan cara mengalakkan aktiviti kemasyarakatan melalui usaha salurkan bantuan kepada golongan kurang berasib baik.



SALAH seorang ibu tunggal yang turut menerima batuan dapur dan makanan yang diagih oleh YASENM.

Selain serahan bantuan, program Kongsi Nikmat Ramadan dijayakan dengan kekuatan 50 tenaga sukarelawan daripada pelbagai latar belakang itu turut diisi dengan sesi gunting rambut percuma dikendalikan oleh lima tukang

pendekatan yang diambil memudahkan mereka untuk mendapat barang keperluan asas.

"Terima kasih kepada pengunjung kerana prihatin akan nasib golongan seperti kami yang tidak ada pendapatan tetap. Dengan bantuan makanan ini, dapat menjimatkan belanja harian kami," katanya yang berasal dari Singapura.

Bagi Mohd Jais Sokidi, 55, produk makanan asas disumbangkan YASENM secara langsung mampu menampung keperluan dirinya selama seminggu dan membantu penjimatkan belanja hariannya.

"Sejak diberhentikan kerja mulai Mac 2020 akibat pandemik COVID-19, saya hanya kerja sambilan di warung atau membantu kerja logistik kawasan ini dengan kadar upahnya tidak seberapa. Jadi, apabila ada pihak membantu sebegini, syukurlah sangat kerana dapat ringankan beban saya serta rakan-rakan yang senasib," katanya yang berasal dari Pulau Pinang dan hidup sebatang kara. **WK**

Program Prihatin Ramadan, MPP BTR serah bakul makanan kepada asnaf

SEMPENA imarah Ramadan, Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (MPPWP) Sub Zon 5, Bandar Tun Razak tampil menyampaikan sumbangan bakul makanan kepada warga memerlukan di sekitar Parlimen itu.

Menurut Pengurusnya, **Farouk Mohd Noor**, para penerima telah dikenalpasti, mendapat bantuan disampaikan ke rumah masing-masing dikenali oleh AJK MPPWP dengan kerjasama Persatuan Penduduk Perumahan

(PPP).

"Objektif program ini adalah untuk meringankan beban hidup serta memberikan keceriaan untuk keluarga yang kurang berasib baik.

"Jadi usaha ini sebagai amal jariah di bulan yang mulia Ramadan, selain jadi platform untuk kami mengerakkan silaturahim antara AJK dan warga masyarakat setempat," katanya.

Program Bakul Makanan tersebut kata Farouk, telah bermula sejak minggu

pertama Ramadan lagi, di mana pada setiap minggu enam penerima layak dibantu mendapat sumbangan masing-masing dan inisiatif ini berlarutan sepanjang Ramadan.

"Berdasarkan sambutan positif penerima kami di MPPWP Sub Zon 5 bercadang teruskan program seumpamanya di masa depan bagi menyantuni warga memerlukan di lokasi bawah pemantauan Sub Zon 5, Bandar Tun Razak," katanya. **WK**



FAROUK Mohd. Noor menyerah sumbangan bakul makanan kepada salah seorang penerima di Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur.



SALAH seorang Ahli Jawatankuasa MPPWP Sub Zon 3 Setiawangsa menyerahkan bubur lambuk kepada orang ramai yang lalu lalang di kawasan bazar Ramadan Taman Setiawangsa.

MPP Setiawangsa masak dan edar bubur lambuk kepada penduduk Seksyen 10

PROGRAM memasak seterusnya mengedarkan bubur lambuk peringkat Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) Sub Zon 3, Setiawangsa berlangsung meriah apabila mendapat sambutan positif warga setempat.

Aktiviti di bazar Ramadan Taman Setiawangsa dan Surau Darul Huda Seksyen 10 itu, kata **Ubaid Abd. Akla** dilaksana dengan kerjasama Persatuan Penduduk Seksyen 10 (PPS10) dan Persatuan Usahaniaga Taman Setiawangsa (PUNSETIA).

Menurutnya, lebih 800 bekas bubur lambuk telah

diagihkan kepada penduduk setempat termasuk kariah Masjid Muaz bin Jabal, Surau An Nur, Balai Polis Setiawangsa, persatuan penduduk sekitar dan masyarakat awam di kawasan terabit.

"Program berlangsung hujung minggu lalu, turut disertai Pengurus MPPWP Zon Setiawangsa, Yusaini Amir. Selain menyerahkan bubur lambuk, kami juga berkesempatan mendapat makluman daripada peniaga berkenaan keluh kesah dilalui.

"Insya-Allah setiap aduan berbangkit ini diambil perhatian sewajarnya bagi

membantu peniaga dan kami juga akui program sebegini bermanfaat untuk mendekatkan wakil MPPWP kepada rakyat marhain seterusnya melaksanakan peranan kami sebagai mediator kepada Kementerian Wilayah Persekutuan dan kerajaan," katanya.

Ubaid turut menjelaskan, beberapa perkara yang dibangkitkan oleh peniaga akan di bawa kepada perhatian pihak KWP dan DBKL untuk ditangani secara proaktif berkaitan polisi, informasi serta halaju warga khususnya di Setiawangsa. **WK**

KAJIAN dijalankan ke atas probiotik telah menunjukkan bakteria baik itu berupa memberikan pelbagai manfaat kesihatan seperti menyokong kesihatan gastrousus selain mengukuhkan sistem imun manusia.

Kelebihan dimiliki probiotik ini mendapat perhatian daripada pasaran, kemudiannya mendorong penggunaan probiotik dalam penghasilan produk secara besar-besaran.

"Hari ini, kita boleh temui probiotik dalam pelbagai jenis produk, termasuklah produk seperti minuman susu kultur dan yogurt.

"Disebabkan ia mudah didapati di pasaran dan hasil kajian positif ke atasnya, maka produk-produk ini dapat sambutan baik di dalam kalangan pengguna beberapa tahun kebelakangan ini," kata Pengurus Program Pendidikan Probiotik, Dr Tee E Siong juga Presiden, Persatuan Pemakanan Malaysia.

Namun, katanya, masih terdapat beberapa salah faham dan ketidakpastian mengenai produk susu kultur. Contohnya, adakah kesemua minuman susu kultur itu sama dan mengenai bahan digunakan serta kadar kandungan gula dalam sesuatu produk.

Justeru kata Dr. Tee, artikel ini menjelaskan kebenaran mengenai minuman susu kultur probiotik dan memberi pemahaman lebih baik berkenaan produk-produk ini kepada pengguna.

APAKAH KANDUNGAN MINUMAN SUSU KULTUR?

Secara am, minuman susu kultur probiotik mengandungi bahan-bahan utama seperti kultur probiotik hidup tertentu, susu, serta gula. Mungkin ada mengandungi perasa yang dibenarkan, jadi ketahui lebih lanjut tentang bahan-bahan ini:

KULTUR PROBIOTIK HIDUP

Dalam penghasilan produk susu kultur ini, beberapa strain bakteria asid laktik atau kultur probiotik tertentu digunakan untuk menapai susu. Antara probiotik yang biasa diguna ialah daripada genus *Lactobacillus* dan *Bifidobacterium*.

Namun, bukan semua kultur bakteria itu boleh digunakan, sebaliknya hanya strain bakteria yang dibenarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sahaja boleh dimasukan dalam produk makanan. Strain probiotik dibenarkan ini telah dikaji, dinilai dan keselamatan serta manfaat kesihatan daripadanya juga telah diuji dan disahkan.



DR TEE E SIONG

Selain itu, strain probiotik diguna memberi kesan kepada rasa produk tersebut, maka minuman susu kultur yang berbeza akan mungkin mempunyai rasa berbeza.

"Jadi penting untuk kita tahu bahawa tidak semua minuman susu kultur mengandungi kultur probiotik hidup. Pertamanya, proses pembuatan, keadaan penyimpanan, jenis bahan pembungkusan didapati mampu mempengaruhi jangka hayat sel probiotik semasa tempoh penyimpanan produk.

"Sebagai contoh bakteria *anaerobik* seperti *Bifidobacteria*, tidak stabil apabila wujud oksigen dan mudah musnah jika disimpan dalam bungkus gunakan bahan mudah ditelapi oksigen seperti botol plastik.

"Sesetengah produk susu kultur di pasaran tidak mengandungi kultur bakteria hidup. Oleh itu, ia tidak dapat memberi sebarang manfaat kesihatan dikait dengan probiotik. Bagi memastikan anda memilih susu kultur yang benar-benar mengandungi probiotik hidup, baca label cari perkataan 'probiotic' dan 'kultur hidup', jelas Dr.

Produk makanan yang mengandungi "probiotic" diwajibkan untuk menyatakan pada label:

- Frasa "kultur probiotik hidup"
- Genus, spesies dan strain probiotik yang digunakan
- Arahan yang jelas untuk penyimpanan sebelum dan selepas bungkusan dibuka
- Bilangan kultur probiotik – tidak kurang daripada 10^6 cfu/ml atau cfu/g*
- *CFU bermaksud colony-forming unit, menunjukkan bilangan mikroorganisma yang hidup dan aktif dalam makanan yang mengandungi probiotik. Contoh: minuman susu kultur yang mengandungi 10^6 cfu/ml bermaksud terdapat 1 juta bakteria probiotik dalam setiap 1 ml minuman.

GULA

Selain kandungan laktosa semula jadi dalam susu, minuman susu kultur mengandungi sikit gula tambahan, berperanan tertentu dalam penghasilan produk minuman susu kultur. Semasa tempoh simpanan produk, bakteria probiotik akan menggunakan gula sebagai sumber makanan dan hasilkan asid laktik, iaitu sejenis asid organik.

Kehadiran asid laktik di dalam

produk akan menghasilkan rasa masam. Maka, gula pun ditambah untuk mengimbangi rasa masam bertujuan memperbaiki rasa minuman dan penerimaan pelanggan terhadap produk.

Lebih penting lagi, gula turut jadi sumber makanan untuk probiotik terus hidup dan mengekalkan pertumbuhan dalam produk semasa tempoh simpanan sesuatu produk.

Walaupun minuman susu kultur ada gula, ia juga mengandungi nutrien lain dan lebih penting, ialah probiotik. Meminum susu kultur tidak sama seperti minuman ringan atau minuman berperisa lain yang hanya mempunyai gula dan tiada nutrien lain.

Selain itu, saiz hidangan susu kultur (80ml) lebih kecil berbanding minuman yang lain seperti jus dan minuman ringan (330ml). Jumlah gula diambil dalam satu hidangan minuman ringan lebih tinggi berbanding gula dalam minuman susu kultur probiotik.

Akhir sekali, minuman susu kultur tidak sebabkan paras gula di dalam darah naik jika diambil mengikut jumlah disarankan. Ini kerana keasidan minuman ini boleh membantu memperlakukan penyerapan glukosa ke dalam salur darah.

SUSU

Susu antara pembawa paling sesuai untuk probiotik kerana kandungan nutriennya yang tinggi. Tambahan pula, keasidan dan kandungan garam rendah adalah sesuai bagi menggalakkan pertumbuhan bakteria yang ditambah untuk proses penapaian.

Bakteria ini juga gunakan gula semula jadi (laktosa) di dalam susu sebagai bahan makanan dan mengubah gula susu ini menjadi asid laktik. Penggunaan susu dan produk tenusu sebagai bahan asas untuk membawa probiotik membantu probiotik bertahan dengan lebih baik di gastrousus manusia dan ia akan meningkatkan jangka hayat probiotik dalam usus.

Penapaian menggunakan produk tenusu juga adalah kaedah lebih murah dalam penghasilan makanan probiotik dan proses ini menambah baik nilai pemakanan serta penampilan produk tenusu tersebut.

AMALKAN SECARA SIHAT

Secara amnya, produk susu kultur selamat dijadikan sebahagian diet harian yang sihat dan seimbang. Tambahan pula, kesemua strain probiotik dibenarkan diguna dalam produk susu kultur telah dinilai oleh KKM sebagai menjamin manfaat kesihatan dan keselamatannya.

Untuk pengambilan lebih sihat, sila ikuti petua ini:

Minuman Susu Kultur A

Maklumat Pemakanan
Saiz Hidangan: 80 ml

	Setiap Hidangan	Setiap 100 ml
Tenaga (kcal)	48	60
Protein (g)	0.9	1.1
Lemak (g)	0	0
Karbohidrat (g)	9.5	11.9
-Jumlah Gula (g)	6.8	8.5

Minuman Susu Kultur B

Maklumat Pemakanan
Saiz Hidangan: 80 ml

	Setiap Hidangan	Setiap 100 ml
Tenaga (kcal)	48	60
Protein (g)	1.0	1.3
Lemak (g)	0	0
Karbohidrat (g)	11.2	14.0
-Jumlah Gula (g)	11.2	14.0

PILIH PRODUK RENDAH GULA

Seperi dinyatakan di atas, sejumlah gula ditambah dalam minuman susu kultur atas sebab tertentu. Namun, pengambilan gula berlebihan perlu dielak dan juga pengguna dinasihatil pilih produk dengan kandungan gula rendah.

Minuman susu kultur dengan kandungan gula lebih rendah juga boleh didapati di pasaran dan boleh memilihnya.

Sebagai panduan, rujuk panel maklumat pemakanan di label setiap produk dan bandingkan jumlah gula bagi setiap 100 ml pilih produk dengan kandungan gula lebih rendah. Selain itu, anda boleh merujuk saiz hidangan produk kerana ia menunjukkan maklumat jumlah akan anda ambil. Oleh itu, anda boleh membandingkan jumlah gula dalam setiap hidangan produk, jika ia mempunyai saiz hidangan yang sama.

Berikut contoh jika anda membandingkan jumlah gula dalam setiap hidangan: Minuman A

mengandungi 6.8g gula bagi setiap hidangan 80ml, manakala Minuman B terkandung 11.2g gula setiap hidangan 80ml. Maka, anda pilihlah Minuman A kerana kandungan gula yang lebih rendah.

AMBIL SECARA SEDERHANA TETAPI KERAP

Cara mendapatkan manfaat optimum dari probiotik adalah mengambilnya secara sederhana dengan tetap, seperti mana terbukti dalam kajian klinikal. Minuman probiotik dihasilkan untuk pengambilan harian kerana kultur probiotik hidup tidak kekal dalam usus selamanya, tetapi akan disingkir daripada badan ketika membuang air. Faedah pengambilan probiotik hanya terlihat selepas diambil dalam jangka masa panjang dan bergantung kepada individu.

Akhir sekali, amat penting bagi memahami apa itu minuman susu kultur probiotik dan fungsinya sebagai sebahagian diet harian kita. Minuman susu kultur mengandungi probiotik ialah sumber kepada bakteria bermanfaat yang dapat memberi faedah kesihatan apabila diambil dengan betul.

Ingin, minuman susu kultur tidak sama kategori dengan minuman ringan atau minuman berperisa hanya mengandungi gula dan perasa. Sentiasa baca label pemakanan untuk pastikan anda memilih susu kultur yang tulen dan mengandungi probiotik hidup selain pilihlah produk yang mempunyai kandungan gula lebih rendah.

Selain itu, sedar bahawa produk probiotik bukan rawatan ajaib, hendaklah sentiasa diambil secara sederhana. Berhati-hati dengan kenyataan mengatakan produk itu dan ini dapat mencegah atau menyembuh penyakit atau masalah kesihatan tertentu.

Dr Tee E Siong

Pengerusi, Program Pendidikan Probiotik & Presiden, Persatuan Pemakanan Malaysia

Artikel ini disumbangkan oleh Program Pendidikan Probiotik (PEP) oleh NSM dan disokong oleh Yakult Malaysia. Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai aktiviti PEP, lawati www.nutriweb.org.my/probiotics.

KUATKAN USUS ANDA DENGAN Yakult



LEBIH DARIPADA 70% SISTEM IMUN BADAN TERLETAK DI USUS ANDA

Popular di luar negara, Nazrin seru kanu diketengahkan

Bukan sekadar sukan rekreasi

AINI MAWAWI

PELUANG terpilih menyertai Kejohanan Sukan Asia 2018 di Palembang dalam acara kanu slalom tiga tahun lalu membuatkan semangat **Mohamad Nazrin Najib**, 20, untuk terus aktif memburu kejayaan.

Malah pengalaman yang dikutip sepanjang kejohanan tersebut banyak membuka matanya untuk memperbaiki kelemahan dalam acara sukan yang diminatinya itu.

"Terasa seperti terlalu banyak perbezaan prestasi berbanding atlet di luar negara dari segi latihan itu sendiri. Ini kerana di Malaysia, kita tidak memiliki sungai khas untuk menjalani latihan."

"Di luar negara misalnya, mereka mempunyai sungai



teruan yang lengkap untuk tujuan latihan mahupun kejohanan. Disebabkan itu, para atlet luar lebih bersedia untuk menghadapi cabaran," ujarnya.

Turut aktif dalam acara kanu polo dan sprint, Nazrin berpendapat, sukan kayak di Malaysia perlu diberi pendedahan yang lebih meluas agar masyarakat tahu dan faham tentang sukan tersebut.

"Rata-rata masyarakat hanya tahu kayak adalah sukan rekreatif yang ada di tasik tumpuan awam sedangkan sukan ini luas dan terbahagi kepada acara lasak, sungai, perlumbaan dan sebagainya," ujar pelajar Diploma Pengajian Sukan, Universiti Teknologi Mara ini.

Tambahnya lagi, seharusnya kanak-kanak juga perlu diberi

pendedahan tentang sukan tersebut agar mereka berminat sekali gus dalam usaha mencari atlet pelapis di masa hadapan.

"Sukan ini mempunyai masa depan yang cerah dan ia amat popular di luar negara. Jika adanya pendedahan yang lebih sistematik maka tidak mustahil kanu akan menjadi salah satu sukan teras di negara kita suatu hari nanti," ujar atlet ini lagi.

Beralih kepada situasi semasa pula, anak tunggal ini berkata, buat masa ini tiada kejohanan yang dijadualkan berlangsung memandangkan dunia masih bertarung dengan wabak COVID-19.

"Insya-Allah saya akan bertanding dalam SUKMA pada tahun hadapan. Itu merupakan penyertaan pertama saya dalam kejohanan tersebut sejak lima tahun aktif dalam sukan kanu," katanya lepada Wilayahku. WK



NAZRIN ketika menyertai kejohanan di Belfast, Ireland.

32 pasukan hangatkan MPFL 2021

PERSATUAN Bola Sepak Malaysia (FAM) mengesahkan sebanyak 32 pasukan daripada persatuan bola sepak negeri dan kelab akan beraksi pada Liga Premier Futsal Malaysia (MPFL) 2021.



Daripada jumlah itu, 20 pasukan bersaing dalam kategori lelaki yang dijadual bermula 12 Jun hingga 28 Ogos, manakala baki 12 pasukan akan memeriahkan saingan kategori wanita dari 12 hingga 22 Ogos.

Pengerusi Jawatankuasa Futsal dan Bola Sepak Pantai FAM **Datuk Seri Rosmadi Ismail** berkata badan induk itu telah menjalankan saringan dokumen terperinci sebelum meluluskan permohonan 32 pasukan untuk beraksi.

"Menerusi proses saringan ini FAM berpeluang untuk memperkenalkan struktur sukan futsal dan juga men-

didik pasukan-pasukan ini mengenai pengurusan dan pentadbiran pasukan futsal di peringkat kebangsaan," katanya yang juga Naib Presiden FAM.

Pada Majlis Undian MPFL 2021 yang berlangsung di Wisma FAM, Kelana Jaya hari ini, FAM turut mengumumkan CUCKOO sebagai penaja utama MPFL 2021, selain beberapa penaja sedia ada yang meneruskan kerjasama musim ini.

Taklimat pasukan MPFL dijalankan pada 27 April lalu secara dalam talian, dan sesi tersebut membincangkan tentang garis panduan serta maklumat berkaitan pengadilan, peraturan serta protokol operasi pertandingan dan lain-lain perkara.

Dalam pada itu, saingan kategori lelaki dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu Kumpulan A terdiri daripada Terengganu, Perak, KPT-PST

Mustangs, Sarawak, ATM, Shah Alam City, Kelantan United, Negeri Sembilan, Selangor TOT United dan Kedah.

Pahang Rangers FC, Selangor MAC, Sabah, Sarawak United, Kelantan FC, KL City FC, Kuala Lumpur, Melaka, PDRM FC dan Pulau Pinang pula bakal bersaing dalam Kumpulan B.

Sementara bagi kategori wanita, pasukan Perak SSCJ, Kuala Lumpur Prefer FC, PDRM FC, Sarawak, Selangor MBPJ FC dan Pahang Rangers FC dikumpulkan dalam Kumpulan A.

Sementara, Kumpulan B menyaksikan penyertaan pasukan Sabah, Selangor MBSJ FC, Melaka, FC Langkawi, Kuala Lumpur dan KPTM Bangi.

Selepas diperkenalkan pada 2019, edisi kedua MPFL tahun lalu ditangguhkan sebelum dibatalkan akibat pandemik COVID-19. - BERNAMA



BARISAN penaja MPFL 2021.

Tarikh Tutup: 16 MEI 2021 (AHAD)
Penyertaan: 12:30 TENGAH HARI

PERTANDINGAN VIDEO KREATIF RAYA

TERBUKA KEPADA WARGA WILAYAH PERSEKUTUAN.

PENYERTAAN ADALAH PERCUMA

ANJURAN:

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

- +6019 699 1773 (Ms Izzati)
- +6011 1322 8215 (Cik Husnol)
- +6011 1224 6891 (Mr Sophan)

Resolusi minima video yang dihantar:

- Video HD 720p (1280x720 pixel resolution)
- Video HD 1080p (1920x1080 pixel resolution)

Penyertaan mestilah secara BERKUMPULAN.

Scan QR Code untuk pendaftaran dan maklumat lanjut

Gerakan Belia Bestari Jelatek (GBBJ) Datok Keramat menganjurkan program Pertandingan Video Kreatif Raya bermula 24 April sehingga 16 Mei 2021. Tema pertandingan adalah "Nuansa Lebaran Dalam Norma Baharu". Scan QR Code untuk pendaftaran dan maklumat lanjut.

Pensyarah, pelajar sokong keputusan Kementerian Pengajian Tinggi

Benar mahasiswa pulang beraya

AFIFAH AFIZAL

SUDAH tentu setiap orang ingin pulang beraya bersama keluarga tercinta ketika negara masih dilanda wabak pandemik COVID-19 yang membuatkan setiap masa yang dihabiskan bersama amat berharga.

Justeru itu, pelajar Institut Pendidikan Tinggi (IPT) telah dibenarkan pulang ke rumah masing-masing sempena cuti Hari Raya Aidilfitri kecuali negeri Sarawak.

Ini setelah Mesyuarat Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara (MKN) bersetuju untuk membenarkan pelajar IPT pulang.

Namun, pelajar diberi pilihan sama ada ingin pulang atau terus menetap di kampus selaras dengan kelonggaran diberikan MKN.

Kebenaran ini disambut baik oleh Pensyarah Kanan, Jabatan Kejuruteraan Mekanik, Universiti Malaya, **Dr. Mohd Sayuti Ab Karim**, yang berpendapat bahawa ianya merupakan satu usaha yang baik dari Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bagi memberikan ruang kepada pelajar untuk terus kekal positif.

"Pelajar juga berpeluang mengurangkan tekanan dalam menjalani kehidupan sebagai seorang mahasiswa di situasi pandemik COVID-19 yang tidak menentu ini."

"Namun, pelajar diingatkan untuk mengikuti prosedur operasi standard (SOP) sepenuhnya bagi mengelakkan sebarang kemungkinan berlaku di kemudian hari."

"Pelajar juga harus sedar



MOHD SAYUTI



AMIRUL SHAMIN

bahawa pihak IPT juga banyak menggembung tenaga bagi memastikan keperluan ini dapat dipenuhi dengan baik.

"Ianya harus dihargai dengan memberikan kerjasama yang baik kepada pihak pengurusan serta berusaha untuk mencapai keputusan yang sebaik mungkin," katanya yang juga Felo Kolej Kediaman Sembilan di Universiti Malaya.

KPT menurut satu kenyataan berkata, ia telah menetapkan beberapa mekanisme kawalan untuk pergerakan pelajar

di setiap IPT yang akan dilaksanakan secara berfasa bagi memastikan segalanya terkawal.

Tarikh yang ditetapkan bagi pergerakan pulang ke rumah masing-masing ialah pada 7 hingga 12 Mei 2021, manakala pergerakan pelajar kembali ke kampus ialah pada 15 hingga 20 Mei 2021.

Selain itu, pihak IPT juga bakal menyediakan surat pelepasan perjalanan rentas negeri/daerah dan menyelaras tarikh pergerakan pulang ke rumah dan kembali ke kampus bagi setiap pelajar.

Dalam pada itu, pengasas bersama Indera Youth, **Amirul Shamin Ballazi** berkata, kebenaran balik ini bukan sahaja dapat mengurangkan kos perbelanjaan kerana berada di rumah tetapi juga boleh digunakan untuk menjenguk ibu bapa serta menyambut perayaan bersama-sama.

"Namun, tidak dinafikan ada

juga risikonya kerana jika tidak mengikuti SOP, pertambahan kes mungkin boleh berlaku.

"Ini kerana, yang datang dari zon bahaya boleh membahayakan orang di zon yang tidak berbahaya.

"Lalu, berpotensi membahayakan kesihatan keluarga sendiri jika pulang tanpa mengetahui status kesihatan diri," katanya lagi.

KPT berbuka, pergerakan pulang pelajar akan menggunakan tiga kaedah iaitu menggunakan kenderaan sendiri, dijemput oleh ibu bapa atau penjaga atau menggunakan bas yang diselaraskan oleh IPT.

Walaubagaimanapun, kenderaan awam adalah tidak dibenarkan kecuali menggunakan perkhidmatan penerbangan.

Dianggarkan seramai 103,994 pelajar yang kini berada dalam kampus akan terlibat dalam pergerakan pulang sempena perayaan Aidilfitri nanti. **WK**



PELAJAR IPT dibenarkan pulang ke rumah masing-masing bermula 7 Mei secara berfasa.

REAKSI

PERGERAKAN pelajar IPT pulang berhari raya ke kampung halaman, dengan mengambil



kira pematuhan SOP oleh semua yang terlibat, adalah keputusan yang matang dan berani dalam mengharungi hidup norma baharu bersama wabak COVID-19.

Benar, kerisauan tetap ada dari aspek gelembung yang mungkin akan terancam dengan pergerakan pelajar ke seluruh pelosok negara.

Namun, dengan bekal maklumat terkinin setelah kita 'hidup' bersama virus ini selama lebih daripada setahun, kita terutamanya golongan mahasiswa, seharusnya mampu menimbang dalam membuat keputusan yang terbaik dalam meneruskan kehidupan, dan bukannya dimomokkan dengan ketakutan yang tidak berasas.

Setiap IPT juga telah pun masak dengan SOP pengendalian dan pematuhan SOP yang sudah diterima pakai sebagai 'vaksin' terbaik membendung penularan wabak berbahaya ini.

PROF. MADYA DR. NAHRIZUL ADIB KADRI
Pengetua, Kolej Kediaman Raja Dr. Nazrin Shah, Universiti Malaya



SAYA berpendapat bahawa pulang beraya adalah satu idea yang baik memandangkan ramai pelajar yang sudah lama tak balik ke rumah.

Saya tidak nampak keburukan yang besar jika SOP dipatuhi dengan baik.

MEGAT A'IZZUL ILLMI
Pelajar Universiti Teknologi Mara (UiTM)



LANGKAH ini adalah inisiatif yang baik oleh KPT dan dengan gabungan tenaga bersama universiti, pelajar and ibu bapa, saya yakin ianya dapat dilaksanakan dengan lancar.

NURUL NASUHA
Pelajar Universiti Malaya (UM)

Kempen PTPTN tawar ganjaran wang tunai RM200,000



PERBADANAN Tabung Pengajian Tinggi Nasional (PTPTN) melancarkan Kempen Jom Beraya Jom Menyimpan SSPN 2021.

AFIFAH AFIZAL

PERBADANAN Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) menawarkan hadiah duit raya hampir RM200,000 untuk 500 pemenang menerusi Kempen Jom Beraya Jom Menyimpan SSPN 2021 yang dilancarkan 3 Mei lalu.

Pengerusi PTPTN, **Datuk Wan Saiful Wan Jan**, berkata hadiah utama ditawarkan ialah duit raya berjumlah RM8,000 bagi cabutan peringkat nasional, manakala duit raya bernilai RM5,000 bagi hadiah utama cabutan peringkat negeri.

"Dengan simpanan bersih serendah RM100 dalam tempoh promosi, anda layak mendapat satu cabutan peringkat negeri, manakala bagi simpanan bersih serendah RM300 dalam tempoh promosi pula layak menyertai cabutan peringkat nasional,"

ujarnya dalam satu kenyataan.

Kempen selama sebulan bermula 1 Mei hingga 31 Mei ini dianjur bagi memeriahkan sambutan Aidilfitri dalam keadaan norma baharu dan mencerminkan keprihatinan PTPTN kepada rakyat Malaysia untuk sentiasa mengutamakan simpanan ketika musim perayaan.

PTPTN memaklumkan dalam keadaan norma baharu, pembukaan dan penambahan simpanan SSPN boleh dibuat dengan mudah secara dalam talian di www.lovesspn.com.

PTPTN berharap kempen itu dapat menyuntik motivasi kepada masyarakat untuk terus membuat penabungan, sekali gus dapat memeriahkan sambutan Aidilfitri dan mengeratkan hubungan silaturahim antara semua kaum di Malaysia. **WK**



Bukan sekadar sukan
rekreasi

►22

Penyebaran berita palsu dan persepsi buruk terhadap kerajaan

Ada usaha terancang tanam kebencian

AZLAN ZAMBRY

TERDAPAT usaha terancang untuk menanam kebencian kepada kerajaan Perikatan Nasional melalui penyebaran berita-berita palsu secara meluas terutamanya ketika negara berdepan dengan pandemik COVID-19.

Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa berkata, perkara tersebut dilakukan secara tersusun dan sebuah jawatankuasa akan dibentuk bagi menangani perkara tersebut.

“Kerajaan mengambil perhatian mengenai perkara ini dan kita nak beritahu bahawa kita sedar ada usaha yang agak terancang untuk menanamkan kebencian kepada kerajaan,” katanya kepada pemberita selepas Program Prihatin Ramadan 2021 di Perbadanan Putrajaya Isnin lalu.

Menurut beliau, kerajaan memandang serius perkara ini dan satu ‘committee’ telah dibentuk di peringkat menteri.

“Jawatankuasa yang dibentuk akan mengambil tanggungjawab memperbaiki keadaan itu.”

“Kita sedar mesej yang benar itu lebih lambat sampai kepada rakyat, jadi itu tidak seimbang antara penyebaran dan penularan berita palsu berbanding dengan fakta sebenar.”

“Sekiranya kerajaan tidak mempunyai keupayaan untuk membuat penjelasan dalam masa yang



ANNUAR (tengah) menyampaikan naskah Al-Quran Mushaf Putrajaya kepada Pengarah JAWI, Datuk Mohd Ajib Ismail pada program Prihatin Ramadan pada Isnin.

pantas dan dengan cara yang berkesan maka kerajaan akan menerima akibatnya,” katanya.

Sementara itu, mengulas mengenai pandemik COVID-19 Annuar berkata, melalui Mesyuarat Khas yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin memberitahu, beberapa kerajaan negeri telah mengemukakan permohonan untuk mengenakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di negeri terbabit susulan peningkatan mendadak kes tersebut.

“Tiada formula tetap atau cara terbaik untuk mengurus COVID-19 kerana ia sangat unik dan setiap

fasa dan gelombang kita terpaksa menggunakan kaedah yang berbeza.

Jelasnya, pendekatan yang sesuai untuk Kuala Lumpur ketika ini ialah Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

Hadir sama dalam Program Prihatin Ramadan Putrajaya itu adalah Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), Datuk Seri Rosida Jaafar, Presiden Perbadanan Putrajaya, Datuk Muhammad Azmi Mohd Zain, Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) Datuk Mohd Ajib Ismail dan Pengurus Nasyrul Quran Putrajaya, Datuk Abdul Latif Mirasa. WK

Transformasi Taman Muhibbah selepas 2 dekad

SELEPAS dua dekad berlalu, Taman Muhibbah Labuan akan ditransformasi menjadi lokasi rekreasi terkemuka di pusat bandar, seterusnya menarik kehadiran lebih ramai pengunjung.

Ini kerana, kata Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, Dr Fary Akmal Osman, kerja naik taraf yang melibatkan kos keseluruhan sebanyak RM200,000 itu akan menambah jubin dan membina gazebo baharu yang lebih moden.

Ujar beliau, pokok dan tanaman hiasan juga akan ditanam bagi menyerikan lagi kawasan berkenaan di samping menambah baik pencahayaan bagi tujuan keselamatan di seluruh laluan taman berkenaan pada waktu malam.

“Dengan penambahan di bawah projek pembangunan pengindahan perbadanan, lokasi rekreasi utama di Labuan ini akan lebih selamat serta mesra pengunjung,” katanya.

Mengulas lanjut, Fary Akmal memberitahu, projek tersebut dijangka selesai pada Jun tahun ini. WK



KEADAAN Taman Muhibbah sebelum kerja-kerja penambahbaikan dilakukan oleh Perbadanan Labuan.

Prihatin Ramadan: Jangan abai nasib artis veteran - Liza

DEEL ANJER

DRAMATIS popular Liza Abdullah, 56, memuji individu yang prihatin dan sudi membantu golongan artis veteran selepas sesetengahnya sudah tiada pendapatan serta sakit.

Bagi Liza, peranan kelompok terbabit dahulunya sangat dihargai apabila sentiasa menghiburkan masyarakat dengan bakat selain tidak pernah lelah memperjuangkan industri seni.

“Dulu masyarakat sentiasa terhibur dengan bakat mereka. Oleh itu, jangan dilupakan apabila mereka sudah lanjut usia dan sesetengahnya terpaksa hidup susah.

“Tidak dinafikan ada yang sudah tidak mempunyai punca pendapatan, malah ada yang sakit sehingga banyak duit dihabiskan untuk perubatan,” katanya yang ditemui pada majlis sumbangan kepada artis-artis veteran di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Mengulas tentang individu yang prihatin itu, Liza memberitahu, salah seorangnya adalah penerbit terkenal Datin Seri Nora Shamsudin.

Katanya, Nora telah memperuntukkan sumbangan duit raya dan keperluan rumah kepada artis-artis veteran yang terlibat.

“Tidak salah berbahagi rezeki, insya-Allah balasannya berganda-ganda buat orang yang suka berbuat amal. Saya juga sentiasa menyokong segala aktiviti amal kebajikan yang melibatkan artis-artis veteran.

“Selagi saya kuat dan boleh menolong, saya akan berusaha melibatkan diri dalam program kebajikan yang melibatkan mereka. Mungkin hari ini hari mereka, saya tidak tahu macam mana nasib pada masa akan datang.

“Jadi apabila artis-artis veteran diraikan dan mendapat sumbangan, sedikit sebanyak boleh menampung kekurangan yang ada,” ujarnya.

Dalam pada itu, Liza yang sudah berpengalaman lebih 40 tahun sebagai anak seni turut menyatakan, artis hanyalah manusia biasa yang kadang kala berada di atas dan kadang kala berada di bawah.

Justeru, dia menzahirkan rasa syukur kerana masih dikurniakan rezeki walaupun sudah lama dalam industri seni.

Drama lakonan Liza Abdullah yang sedang disiaran adalah Mr Bibik dan Kelmarin Cinta.

Liza juga akan kembali ke set penggambaran drama bersiri 7 Hari Mencintaiku musim ketiga selepas Hari Raya Aidilfitri nanti. WK





PEGAWAI Kedutaan Malaysia di Jordan bersama ahli keluarga masing-masing.

MOHD NOH BIN MD. YUNUS
Setiausaha Ketiga di Kedutaan Besar
Malaysia, Amman, Jordan

PANDEMIK COVID-19 membuatkan seluruh dunia gundah-gulana. Anak perantau juga turut terkesan. Sudah dua tahun Mohd Noh dan keluarga yang bertugas di Kedutaan Besar Malaysia



MANISAN dan kueh mueh tradisional Melayu.

di Jordan menyambut ramadhan dalam situasi perintah berkurung. Bagi mengekang penularan wabak COVID-19, pemerintah Jordan mengenakan perintah berkurung mulai jam 6 petang hingga 6 pagi setiap hari dan 24 jam setiap hujung minggu.

Segalanya berubah, solat sunat terawikh dan solat Eid Fitri di Masjid tidak dibenarkan. Tiada majlis iftar di Kedutaan seperti tahun – tahun sebelumnya.

Sementara, sambutan hari raya bersama warga Kedutaan pula diadakan pada hari raya kedua (hari raya pertama dikenakan

perintah berkurung 24 jam). Berbeza dengan kemeriah sambutan sebelumnya apabila semua warga Kedutaan dan lebih dua ratus pelajar-pelajar Malaysia akan berkumpul di Kedutaan untuk mengadakan solat sunat Aidil Fitri dan seterusnya menikmati juadah hari raya.

Perasaan kerinduan dan kemeriah sambutan Aidil Fitri di Malaysia tetap mengusik. Pun begitu, beliau dan rakan-rakan Diplomat serta keluarga telah terbiasa menyambut hari raya di perantauan dan bangga menggalas tanggungjawab kepada negara.

Bagi mengubat kerinduan kepada dua orang anak yang bekerja dan belajar di Malaysia serta ahli keluarga, kebiasaannya sesi panggilan video akan dibuat pada pagi hari raya pertama.



TYT Datuk Jilid Kuminding (dua, kanan) bersama Duta Besar negara-negara ASEAN di Jordan, iaitu Indonesia, Brunei, Thailand dan Filipina ketika Sambutan Hari Raya Tahun 2020 di Kedutaan Besar Amman Jordan.

Anak perantau sambut Aidilfitri dalam suasana perintah berkurung



PEGAWAI Kedutaan bersama pelajar-pelajar lelaki.



SEBAHAGIAN tetamu sedang berbaris untuk mengambil juadah.



PEGAWAI Kedutaan bersama pelajar-pelajar perempuan.

“Mengambil kesempatan ini saya, isteri, Siti Khadijah, anak-anak, Arif, Azry dan Airel serta pegawai-pegawai Kedutaan ingin merakamkan ucapan Selamat Menyambut Hari

Raya Aidil Fitri, Maaf Zahir dan Batin kepada ibubapa, anak-anak, sanak saudara dan rakan taulan di Malaysia”.